UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 169

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Sebagaimana pada 1 Januari 2026

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Tarikh Perkenan Diraja	… … … ...	18 Mac 1976
Tarikh penyiaran dalam *Warta*	… … … ...	25 Mac 1976
Kali terakhir dipinda melalui Akta 875 yang mula berkuat kuasa pada	… … … ...	Lihat seksyen 6 Akta 875

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1998

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 169

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGENAAN CUKAI

3. Percukaian keuntungan yang boleh dikenakan cukai
4. Kadar cukai
5. Tempat letaknya kepentingan, opsyen, dsb.
6. Orang yang boleh dikenakan cukai
7. Keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan kerugian yang boleh dibenarkan
8. Tempat kediaman persendirian
9. Pengecualian

BAHAGIAN III

TAKSIRAN DAN PUNGUTAN

10. Tahun taksiran
11. Orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah ditaksirkan atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai

Seksyen

12. (*Dipotong*)

13. Penyata

13A. Pindaan penyata

14. Taksiran

15. Taksiran tambahan

15A. Taksiran disifatkan ke atas penyata terpinda

16. Hal dalam mana pemeroleh boleh ditaksirkan

16A. Pelepasan taksiran dua kali

17. Notis taksiran

18. Hak merayu

19. Relif berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan

19A. Relif selain berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan

20. Kemuktamadan taksiran

21. Pembayaran cukai

21A. Perakuan tidak dikenakan cukai

21B. Kewajipan pemeroleh untuk memegang simpan dan membayar sebahagian daripada balasan

21C. Cukai kena dibayar walaupun prosiding telah dimulakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain

22. Menuntut daripada orang yang meninggalkan Malaysia

23. Menuntut cukai melalui guaman

24. Memulangkan balik bayaran yang terlebih

24A. Kumpulan Wang bagi pembayaran balik cukai

25. Peruntukan mencegah pengelakan dari membayar cukai

26. Peremitan

BAHAGIAN IV

PENYIASATAN DAN HUKUMAN

27. Kuasa untuk meminta maklumat, dsb.

Seksyen

28. Kuasa untuk memasuki bangunan dan melihat dokumen, dsb.

28A. Kuasa untuk meminta penyata spesifik dan pengemukaan buku

28B. Kuasa untuk meminta penyata akaun bank, dsb.

28C. Kewajipan untuk menyimpan dokumen bagi menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan cukai yang kena dibayar

29. Kemungkiran memberitahu atau membuat penyata pelupusan

30. Penyata, dsb., yang tidak betul

31. Sengaja melarikan cukai

32. Meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai, jumlah wang atau hutang

33. Menghalang pegawai

34. Pecah rahsia

35. Kesalahan oleh pegawai dan pungutan yang tidak mendapat kebenaran

36. Kesalahan lain

37. Peruntukan tambahan mengenai kesalahan di bawah seksyen 30, 32, 33 atau 36

38. Cukai kena dibayar walau apa pun prosiding

39. (*Dipotong*)

40. Mengkompaun kesalahan dan mengurangkan penalti

41. Mendapatkan pembayaran penalti

42. Bidang kuasa mahkamah rendah

BAHAGIAN V

PENTADBIRAN DAN TAMBAHAN

43. Ketua Pengarah

43A. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

44. Ketua Menteri memberi arahan kepada Ketua Pengarah

45. Perwakilan fungsi Ketua Pengarah

46. Pengenalan pegawai

47. Sesetengah bahan hendaklah dikira sebagai sulit

Seksyen

48. Peruntukan mengenai keterangan
48A. Kebolehterimaan rekod elektronik
49. Penyata, dsb., dianggap sebagai dibuat dengan kuasa yang sepatutnya
50. Oleh siapakah penyata hendak dibuat
51. Kuasa untuk melantik ejen
52. Kesalahan dan kecacatan dalam taksiran, dsb.
53. Penyampaian notis
54. Kuasa untuk mengarah ke mana penyata, dsb., hendak dihantar
55. Pengesahan notis dan dokumen lain
56. Bayaran pos tidak dikenakan
57. Borang
57A. Media elektronik
57B. Nombor pengenalan cukai
58. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah
59. Pemansuhan Akta 126

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

JADUAL 5

\

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 169

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi mengenakan, mentaksir dan memungut cukai atas keuntungan yang didapati daripada pelupusan harta tanah dan bagi perkara yang bersampingan dengannya.

[*7 November 1975*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 7 November 1975.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"akauntan" ertinya akauntan sebagaimana ditakrifkan dalam subseksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];

"amanah perniagaan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];

"aset" termasuklah sesuatu kepentingan atau hak mengenai atau ke atas sesuatu aset;

"balasan" ertinya balasan berupa wang atau nilai wang;

"cukai" ertinya cukai yang dikenakan oleh Akta ini;

"cukai input" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

"cukai output" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

"cukai pendapatan" termasuklah apa-apa cukai yang bercorak serupa pada asasnya (dengan apa-apa jua nama tersebut) yang dikenakan di Malaysia;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan dengan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 58 atau, berhubung dengan sesuatu borang, ertinya ditetapkan di bawah seksyen 57;

"harta tanah" ertinya mana-mana tanah yang terletak dalam Malaysia dan apa-apa kepentingan, opsyen atau hak lain mengenai atau ke atas tanah itu;

"isteri" ertinya seorang perempuan yang (sama ada atau tidak dia telah menjalani apa-apa upacara agama atau lain-lain) disifatkan, menurut mana-mana undang-undang atau adat, sebagai isteri bagi seorang lelaki atau sebagai seorang daripada isterinya;

**CATATAN*—*Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [*Akta 805*] mula berkuat kuasa pada 1 September 2018—*lihat* P.U. (B) 510/2018.

"kawalan", berhubung dengan sesuatu syarikat, ertinya kawalan daripada jenis yang diperihalkan dalam seksyen 139 Akta Cukai Pendapatan 1967;

"keluarga sekutu Hindu" ertinya apa yang diketahui sebagai keluarga Hindu atau perwarisan bersama dalam sesuatu sistem undang-undang yang terdapat di India;

"kerugian yang boleh dibenarkan" mempunyai erti yang diberikan oleh seksyen 7;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa;

"keuntungan" ertinya—

(a) keuntungan selain daripada keuntungan atau laba yang boleh dikenakan atau yang dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah undang-undang cukai pendapatan; atau

(b) dalam hal sesuatu unit amanah, keuntungan yang tidak dikira sebagai pendapatan di bawah undang-undang cukai pendapatan;

"keuntungan yang boleh dikenakan cukai" mempunyai erti yang diberikan oleh seksyen 7;

"kumpulan orang" ertinya sesuatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (yang bukan sesuatu syarikat) termasuk keluarga sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian;

"Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia" ertinya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*];

"melupuskan" ertinya, tertakluk pada subseksyen (4), menjual, memindah hak, memindah milik, menyerah hak, menyelesaikan atau

memberi milik sama ada melalui perjanjian atau melalui kuat kuasa undang-undang;

"memperoleh" termasuklah, tertakluk pada subseksyen (4), memperoleh dengan pembelian, pemberian, pertukaran, penyelesaian atau lain-lain;

"opsyen" termasuklah opsyen dalam sesuatu hal di mana—

(a) pemberi mengikat diri untuk menjual apa yang tidak dipunyai olehnya dan, oleh sebab opsyen ditinggalkan, dia tidak pernah pada bila-bila masa mempunyainya; dan

(b) pemberi mengikat diri untuk membeli apa dia tidak memperoleh oleh sebab opsyen ditinggalkan;

"orang" termasuklah suatu syarikat, suatu perkongsian, suatu kumpulan orang, perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal;

"orang tidak berdaya" ertinya seseorang belum dewasa atau seseorang yang diputuskan di bawah sesuatu undang-undang sebagai berada dalam keadaan ketidaksempurnaan akal (walau bagaimana pun diperihalkan);

"pegawai yang diberi kuasa" ertinya seseorang pegawai yang dilantik atau diberi kuasa di bawah seksyen 45 untuk menjalankan apa-apa fungsi Ketua Pengarah atau untuk menjalankan atau membantu dalam menjalankan mana-mana fungsi tersebut;

"pekongsi yang terdahulu" mempunyai erti yang diberikan oleh perenggan 86(1)*(a)* Akta Cukai Pendapatan 1967;

"pemastautin" ertinya seorang pemastautin di Malaysia bagi maksud Akta Cukai Pendapatan 1967, kecuali bahawa sebutan mengenai tahun asas atau tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran dalam Akta itu hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai sesuatu tahun taksiran di bawah Akta ini;

"pemastautin tetap" ertinya seseorang yang dianggapkan sebagai sedemikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan imigresen;

"penilai" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan menilai atau menaksir harta tanah dengan sah di sisi undang-undang;

"perkongsian" ertinya apa-apa jua jenis persatuan (termasuk duga niaga bersama, sindiket dan hal di mana suatu pihak dalam persatuan adalah sendirinya suatu perkongsian) antara pihak-pihak yang telah bersetuju untuk menggabungkan mana-mana daripada hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi maksud menjalankan suatu perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi tidak termasuk keluarga sekutu Hindu sungguhpun keluarga itu boleh jadi seorang pekongsi dalam suatu perkongsian;

"perkongsian liabiliti terhad" ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

"perniagaan" termasuklah profesion, pekerjaan dan tred dan apa-apa perkilangan, duga niaga atau usaha daripada jenis tred;

"Pesuruhjaya Khas" ertinya Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang dilantik di bawah seksyen 98 Akta Cukai Pendapatan 1967;

"syarikat" ertinya suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah sesuatu kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan;

"syer" ertinya semua atau mana-mana daripada yang berikut:

(a) saham dan syer dalam suatu syarikat;

(b) saham pinjaman dan debentur yang dikeluarkan oleh suatu syarikat atau mana-mana pertubuhan perbadanan yang lain, di mana-mana jua diperbadankan;

(c) kepentingan seseorang anggota dalam suatu syarikat yang tidak terhad oleh syer sama ada dia ada mempunyai suatu modal syer atau tidak;

(d) apa-apa opsyen atau hak lain dalam, ke atas atau berhubungan dengan syer sebagaimana ditakrifkan dalam perenggan *(a)* hingga *(c)*;

"tahun taksiran" mempunyai erti yang diberikan oleh seksyen 10;

"taksiran" ertinya sesuatu taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah Akta ini;

"tanah" termasuklah—

(a) permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan itu;

(b) tanah di bawah permukaan itu dan benda-benda di dalamnya;

(c) bangunan di atas tanah dan apa-apa jua yang tercantum pada tanah atau yang terpasang dengan kekal pada apa-apa benda yang tercantum pada tanah (sama ada di atas atau di bawah permukaan itu);

(d) kayu, pokok, tanam-tanaman dan tumbuhan lain yang hidup dan tumbuh di atas tanah; dan

(e) tanah yang diliputi oleh air;

"tuan punya bersama" dan "kepunyaan bersama" mempunyai erti yang masing-masing diberikan kepadanya oleh *Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*];

*CATATAN— Dahulunya dikenali sebagai Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] dan telah disemak dan dinamakan sebagai Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] mula berkuat kuasa pada 15 Oktober 2020.

"undang-undang cukai pendapatan" ertinya undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia yang mengawal selia cukai pendapatan;

"wasi" ertinya wasi, pentadbir atau orang lain yang mentadbirkan harta pusaka seseorang si mati.

(2) Sebutan dalam Akta ini mengenai Akta ini atau mengenai mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuklah sebutan mengenai mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.

(3) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sesuatu sebutan dalam Akta ini mengenai perolehan atau pelupusan sesuatu bangunan termasuklah sebutan mengenai perolehan atau pelupusan tanah di atasnya bangunan itu terdiri.

(4) Jika mana-mana tanah yang dipegang oleh dua orang atau lebih sebagai tuan punya bersama dipecah milik supaya meletak hak pada setiap seorang daripada mereka, di bawah hakmilik berasingan, sebahagian tanah itu yang luasnya berkadar sehampir mungkin dengan bahagian tidak pecahnya dalam keseluruhan tanah itu, pecah milik tanah itu tidak boleh dianggap bagi maksud Akta ini sebagai melibatkan perolehan atau pelupusan apa-apa bahagian atau kepentingan dalam tanah itu oleh mana-mana orang demikian.

BAHAGIAN II

PENGENAAN CUKAI

Percukaian keuntungan yang boleh dikenakan cukai

3. (1) Suatu cukai yang akan dinamakan cukai keuntungan harta tanah hendaklah dikenakan mengikut Akta ini berkenaan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan apa-apa harta tanah (kemudian daripada ini disebut "aset yang boleh dikenakan cukai").

(2) Tertakluk pada Akta ini, cukai itu hendaklah dikenakan ke atas tiap-tiap ringgit dari amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada seseorang yang boleh dikenakan cukai dalam suatu tahun taksiran mengenai setiap satu kategori pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang dinyatakan dalam Jadual 5.

(2A) Bagi maksud Akta ini, keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah—

(a) ditentukan mengikut setiap pelupusan secara berasingan; dan

(b) dikira sebagai suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai berasingan daripada setiap pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu.

Kadar cukai

4. (1) Cukai hendaklah dikenakan megikut kadar yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual 5 mengenai setiap satu kategori pelupusan yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Menteri, jika dia berpuas hati bahawa tujuan Kerajaan hendak menganjurkan supaya suatu Rang Undang-Undang dikemukakan untuk mengubah kadar cukai dengan apa-apa cara tertentu, boleh dengan perintah berkanun mengisytiharkan kadar yang hendak diubah dengan cara itu, dan, jika dia berbuat demikian, maka, tertakluk pada subseksyen (3) dan (4), Akta ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah kadar sebagaimana yang diubah sedemikian telah mula berkuat kuasa pada permulaan tahun pertama taksiran yang baginya Rang Undang-Undang itu bertujuan untuk mengubah kadar itu.

(3) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang boleh selepas ia dibuat dan hendaklah berhenti berkuat kuasa—

(a) apabila tamat tiga bulan (atau sesuatu tempoh yang lebih lama sebagaimana yang ditentukan dengan ketetapan Dewan Rakyat) mulai dari tarikh perintah itu dibuat; atau

(b) apabila mula berkuat kuasa (selepas tarikh perintah itu dibuat) Akta yang mengubah kadar cukai itu,

mengikut mana yang lebih awal.

(4) Jika sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) berhenti berkuat kuasa menurut subseksyen (3)—

(a) amaun sesuatu cukai yang—

(i) telah dikenakan oleh sesuatu taksiran mengikut perintah itu; dan

(ii) kena dibayar (sama ada atau tidak cukai itu genap masanya atau genap masanya dan kena dibayar) tetapi tidak dibayar pada tarikh perintah itu berhenti berkuat kuasa,

hendaklah dikira sebagai dipinda kepada amaun yang tetap kena dibayar jika perintah itu tidak dibuat; dan

(b) sekian banyak daripada sesuatu cukai yang telah dibayar oleh seseorang berikutan dengan perintah itu sebagaimana yang melebihi cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang yang berkuat kuasa selepas sahaja tarikh perintah itu berhenti berkuat kuasa hendaklah dibayar balik oleh Ketua Pengarah jika orang itu—

(i) membuat suatu tuntutan baginya dalam borang yang ditetapkan dalam masa satu tahun selepas tarikh itu; dan

(ii) memberi kepada Ketua Pengarah apa-apa butir lanjut mengenai tuntutan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Tempat letaknya kepentingan, opsyen, dsb.

5. (1) Tempat letaknya kepentingan, opsyen dan hak lain mengenai atau ke atas tanah ialah tempat letaknya tanah itu.

(2) Istilah "hak mengenai atau ke atas" itu termasuklah hak untuk membeli.

Orang yang boleh dikenakan cukai

6. (1) Tertakluk pada Akta ini, tiap-tiap orang sama ada bermastautin atau tidak di Malaysia bagi sesuatu tahun taksiran boleh dikenakan cukai berkenaan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepadanya dalam tahun itu atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai.

(2) Peruntukan tambahan dalam Jadual 1 hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan orang yang boleh dikenakan cukai.

Keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan kerugian yang boleh dibenarkan

7. (1) Jika sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dilupuskan, maka—

(a) jika harga lupusannya itu lebih daripada harga perolehannya, maka terdapatlah suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai;

(b) jika harga lupusannya itu kurang daripada harga perolehannya, maka terdapatlah suatu kerugian yang boleh dibenarkan; dan

(c) jika harga lupusannya itu sama dengan harga perolehannya, maka tidaklah terdapat sama ada keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau pun kerugian yang boleh dibenarkan.

(2) Dalam seksyen ini, suatu kerugian yang boleh dibenarkan ertinya suatu kerugian yang ditanggung atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai yang mana, jika ia suatu keuntungan, tetap boleh dikenakan cukai.

(3) Subseksyen (1) hendaklah tertakluk dalam perjalanan kuat kuasanya kepada Jadual 2 yang hendaklah berkuat kuasa bagi menghitung harga perolehan dan lupusan dan selainnya sebagaimana diperuntukkan di dalamnya.

*(4) Jika—

(a) ada kerugian yang boleh dibenarkan mengenai sesuatu pelupusan, kerugian yang boleh dibenarkan itu hendaklah hanya dibenarkan sebagai suatu potongan untuk mengurangkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang dalam pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang berikutnya dalam tahun taksiran yang sama yang pelupusan itu telah dibuat; dan

(b) oleh sebab tidak cukupnya atau tidak adanya keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang kerugian yang boleh dibenarkan itu timbul, kuat kuasa tidak dapat diberikan atau tidak dapat diberikan dengan sepenuhnya kepada perenggan *(a)*, kerugian yang boleh

**CATATAN*—Walau apa pun subseksyen 7(4) Akta ibu, apa-apa amaun kerugian yang boleh dibenarkan bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya yang tidak dipotong menurut subseksyen 7(4) Akta ibu bagi tahun taksiran 2025 boleh diambil kira bagi maksud potongan di bawah perenggan 7(4)(*b*) Akta ibu bagi tahun taksiran 2026 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya hingga tahun taksiran 2035 dan apa-apa amaun yang tidak dipotong menurut perenggan 7(4)(*b*) Akta ibu selepas berakhirnya tahun taksiran 2035 tidak diambil kira bagi maksud Akta ibu—*lihat* seksyen 21 Akta Kewangan 2025 [*Akta 874*].

dibenarkan yang tidak dibenarkan sedemikian (atau sekian banyak daripadanya yang tidak dibenarkan sedemikian bagi tahun itu), hendaklah dibenarkan sebagai potongan bagi mengurangkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai seseorang bagi tahun pertama taksiran yang berikutnya yang baginya ada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang lebih awal dan demikianlah seterusnya bagi tempoh sembilan tahun taksiran berturut-turut dan apa-apa amaun atau baki amaun yang tidak boleh ditolak pada hujung tempoh itu tidak diambil kira bagi maksud Akta ini.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), dalam hal seseorang individu, keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disebut dalam subseksyen itu tidaklah termasuk mana-mana amaun yang dikecualikan di bawah Jadual 4.

Tempat kediaman persendirian

8. Tertakluk pada Jadual 3, keuntungan hendaklah dikecualikan daripada cukai jika keuntungan itu terakru kepada seorang individu yang ialah seorang warganegara atau seorang individu yang bukan seorang warganegara tetapi ialah seorang pemastautin tetap berkenaan dengan pelupusan olehnya akan tempat kediaman persendiriannya.

Pengecualian

9. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Akta ini, keuntungan yang dinyatakan dalam Jadual 4 hendaklah dikecualikan daripada cukai.

(2) Dewan Rakyat boleh dengan ketetapan memotong mana-mana butiran dalam Jadual 4 atau menambah apa-apa butiran atau butiran lanjut kepadanya.

(3) Menteri boleh dengan perintah berkanun mengecualikan mana-mana golongan orang daripada semua atau mana-mana daripada peruntukan Akta ini.

(3A) Menteri boleh dalam apa-apa keadaan yang tertentu mengecualikan mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini, sama ada secara am atau berkenaan dengan apa-apa pendapatan daripada suatu jenis tertentu atau golongan pendapatan daripada suatu jenis tertentu.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

BAHAGIAN III

TAKSIRAN DAN PUNGUTAN

Tahun taksiran

10. Tahun pertama taksiran ialah suatu tempoh yang bermula pada 7 November 1975 dan yang berakhir pada 31 Disember 1976, dan selepas itu tahun taksiran ialah tahun kalendar yang bermula dengan kalendar 1977.

Orang yang boleh dikenakan cukai hendaklah ditaksirkan atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai

11. Seseorang yang boleh dikenakan cukai hendaklah ditaksirkan bagi sesuatu tahun taksiran berkenaan dengan amaun keuntungannya yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas setiap pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai sebagaimana ditentukan di bawah subseksyen 3(2) dalam tahun itu.

12. (*Dipotong oleh Akta 323*).

Penyata

13. (1) Tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai yang melupuskan sesuatu aset boleh dikenakan cukai dan tiap-tiap orang yang memperoleh aset yang dilupuskan sedemikian itu hendaklah, dalam masa enam puluh hari (atau dalam apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah apabila suatu permintaan bertulis dibuat kepadanya) selepas tarikh pelupusan aset itu, membuat suatu penyata—

(a) menyatakan berkenaan dengan aset yang dilupuskan itu harga perolehan, harga pelupusan dan keuntungan atau kerugian atas pelupusan itu;

(b) memberi segala maklumat yang perlu untuk menentukan harga perolehan dan harga lupusan bagi aset yang dilupuskan;

(c) jika nilai pasaran bagi aset itu hendak dipakai bagi maksud Akta ini, mengandungi nilai pasaran aset itu berdasarkan suatu penilaian yang dibuat oleh seorang penilai;

(d) menyatakan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan amaun cukai yang kena dibayar (jika ada) ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai untuk pelupusan tersebut; dan

(e) mengandungi apa-apa butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiap-tiap orang nomini hendaklah, dalam tempoh enam puluh hari (atau dalam apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana dibenarkan oleh Ketua Pengarah apabila suatu permintaan bertulis dibuat kepadanya) selepas tarikh pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai olehnya bagi pihak mana-mana orang, membuat suatu penyata menyatakan—

(a) nama dan alamat orang yang bagi pihaknya pelupusan itu telah dilakukan;

(b) aset yang dilupuskan itu; dan

(c) tarikh dia pertama kali mula memegang aset itu sebagai seorang nomini bagi orang itu.

(3) Jika apa-apa aset yang diperoleh—

(a) daripada seseorang oleh sesuatu syarikat yang dikawal oleh orang itu, oleh isterinya atau olehnya bersesama dengan isterinya atau seseorang yang berkaitan; atau

(b) dengan kelulusan Ketua Pengarah di bawah perenggan 17 Jadual 2, oleh suatu syarikat daripada suatu syarikat lain dalam kumpulan yang sama,

telah dipindah milik oleh syarikat pemeroleh itu kepada barang niaganya, syarikat pemeroleh itu hendaklah dalam tempoh enam puluh hari selepas pindah milik itu membuat suatu penyata memberi butir-butir mengenai aset yang dipindah milik itu.

(4) Jika seseorang membuat suatu penyata di bawah Akta ini, penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A.

(5) Jika seseorang dikehendaki membuat suatu penyata bagi maksud undang-undang cukai pendapatan, dia hendaklah membuat suatu akuan dalam penyata itu sama ada atau tidak dia telah melakukan sesuatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam tahun taksiran yang baginya penyata itu dibuat.

(6) Seseorang yang melupuskan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dan dikehendaki untuk membuat penyata di bawah seksyen ini boleh mengemukakan kepada Ketua Pengarah bersama-sama dengan penyata itu suatu pemberitahuan dalam borang yang ditetapkan

bahawa pelupusan itu tidak tertakluk pada cukai atau dikecualikan daripada pembayaran cukai di bawah Akta ini.

(6A) Pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (6) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A.

(7) Bagi maksud seksyen 21B, seseorang yang melupuskan suatu aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah menyerahkan pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen (6) kepada pemeroleh dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelupusan dan pemberitahuan itu hendaklah disifatkan telah diserahkan kepada pemeroleh pada hari yang pemberitahuan itu dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut subseksyen (6A).

(8) Seseorang yang melupuskan aset yang boleh dikenakan cukai dan dikehendaki untuk membuat suatu penyata di bawah seksyen ini boleh memberitahu pemeroleh itu amaun cukai yang kena dibayar atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi pelupusan itu dalam penyata yang dibuat di bawah subseksyen (1) bagi maksud seksyen 21B.

(9) Pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen (8) hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada pemeroleh oleh pelupus itu melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik pada hari yang penyata itu dibuat di bawah subseksyen (1) dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

Pindaan penyata

13A. (1) Jika bagi suatu tahun taksiran seseorang telah mengemukakan suatu penyata mengikut seksyen 13, orang itu boleh membuat pindaan kepada penyata itu dalam suatu penyata terpinda sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan amaun cukai atau cukai tambahan kena dibayar oleh orang itu ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau ke atas amaun cukai yang telah atau mungkin telah dibayar balik secara salah kepadanya.

(1A) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata terpinda dalam borang yang ditetapkan melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A.

(2) Suatu penyata terpinda di bawah subseksyen (1) hanya boleh dibuat selepas tarikh genap masa bagi mengemukakan penyata mengikut seksyen 13, tetapi tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, penyata terpinda hendaklah—

(a) menyatakan amaun atau amaun tambahan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan amaun cukai atau cukai tambahan kena dibayar ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu;

(b) menyatakan amaun cukai yang kena dibayar ke atas cukai yang telah atau mungkin telah dibayar balik secara salah kepadanya;

(c) menyatakan jumlah kenaikan yang ditentukan mengikut subseksyen (4); atau

(d) mengandungi apa-apa butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(4) Cukai atau cukai tambahan kena dibayar di bawah subseksyen (1) hendaklah dinaikkan dengan suatu jumlah yang sama dengan sepuluh peratus daripada amaun cukai atau cukai tambahan itu.

(5) Pindaan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat sekali sahaja.

(6) Jika—

(a) suatu penyata bagi suatu tahun taksiran telah dikemukakan mengikut seksyen 13; dan

(b) Ketua Pengarah telah membuat suatu taksiran bagi tahun taksiran itu di bawah seksyen 15,

tiada pindaan boleh dibenarkan di bawah seksyen ini.

Taksiran

14. (1) Jika seseorang telah mengemukakan suatu penyata mengikut seksyen 13, Ketua Pengarah hendaklah disifatkan telah membuat, pada hari penyata itu dikemukakan, suatu taksiran berkenaan dengan orang itu dalam amaun cukai ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai, cukai dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu masing-masing adalah amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata.

(1A) Bagi maksud Akta ini, jika Ketua Pengarah disifatkan sebagai telah membuat suatu taksiran di bawah subseksyen (1)—

(a) penyata yang disebut dalam subseksyen itu hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran; dan

(b) notis taksiran yang disifatkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada orang itu pada hari Ketua Pengarah disifatkan sebagai telah membuat taksiran itu.

(2) Jika seseorang tidak membuat suatu penyata di bawah subseksyen 13(1), Ketua Pengarah, jika dia berpendapat bahawa orang itu boleh dikenakan cukai, boleh membuat suatu taksiran dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa pembuatan sesuatu taksiran berkenaan dengan seseorang di bawah subseksyen ini tidaklah menyentuh apa-apa tanggungan yang selainnya dilakukan oleh orang itu oleh sebab kemungkirannya membuat penyata itu.

(3) Jika Ketua Pengarah mendapati perlu supaya suatu taksiran dibuat dengan serta-merta, sama ada oleh sebab seseorang yang boleh

dikenakan cukai hampir hendak meninggalkan Malaysia atau oleh apa-apa sebab lain, Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa membuat apa-apa jua taksiran yang difikirkannya sesuai; dan sesuatu taksiran yang dibuat sedemikian hendaklah, apabila tahun taksiran yang dimaksudkan olehnya dan masa yang dibenarkan di bawah subseksyen 13(1) untuk membuat suatu penyata pelupusan telah tamat, diterima pakai dengan apa-apa semakan (jika ada) sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah sebagai taksiran bagi tahun itu.

(4) Kematian seseorang yang boleh dikenakan cukai tidak menghalang suatu taksiran dibuat berkenaan dengan pelupusan yang dilakukan olehnya sebelum kematiannya, dan jika sesuatu taksiran itu dibuat—

(a) notis taksiran di bawah seksyen 17 boleh disampaikan kepada wasi si mati itu; dan

(b) taksiran itu hendaklah mempunyai kuat kuasa yang sama tentang pengenaan suatu tanggungan ke atas harta pusaka si mati itu sebagaimana ia tetap mempunyai kuat kuasa jika ia telah dibuat dalam masa hayatnya:

Dengan syarat bahawa tiada taksiran boleh dibuat lebih daripada tiga tahun selepas berakhir tahun taksiran yang dalamnya Ketua Pengarah dimaklumkan secara bertulis oleh pentadbir mengenai kematian orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta ini.

(5) Jika menurut seksyen 21B, pemeroleh yang gagal untuk memegang dan meremitkan amaun yang dikehendaki di bawah seksyen itu, dan kegagalan disebabkan oleh suatu pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang diserahkan kepadanya di bawah seksyen 13, maka hendaklah dimasukkan ke dalam taksiran itu yang dibuat berkenaan dengan orang yang menyerahkan pemberitahuan itu, suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus cukai yang kena dibayar oleh orang itu.

(5A) Walau apa pun subseksyen (5), Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya atas apa-apa sebab yang baik yang diberikan, meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian jumlah wang yang disebut dalam subseksyen itu dan, jika jumlah wang yang diremitkan itu telah dibayar, Ketua Pengarah hendaklah membayar balik jumlah wang itu.

(6) Bagi maksud subseksyen (5), "cukai yang kena dibayar" ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tidak termasuk apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).

Taksiran tambahan

15. (1) Jika Ketua Pengarah mendapati tiada sesuatu taksiran atau tiada sesuatu taksiran yang mencukupi telah dibuat berkenaan sesuatu tahun taksiran ke atas seseorang yang boleh dikenakan cukai, Ketua Pengarah boleh dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu membuat ke atas orang itu apa-apa juga taksiran atau taksiran tambahan yang difikirkannya sesuai.

(1A) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa keseluruhan atau sebahagian daripada apa-apa cukai yang dibayar balik kepada seseorang, melainkan akibat suatu perjanjian berkenaan dengan suatu taksiran menurut subseksyen 101(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 atau akibat suatu taksiran yang telah ditentukan atas rayuan, telah dibayar balik dengan kesilapan sama ada dari segi fakta atau undang-undang, Ketua Pengarah boleh membuat suatu taksiran berkenaan dengan orang itu dalam amaun cukai itu atau sebahagian daripada cukai itu, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada taksiran boleh dibuat—

(a) jika bayaran balik itu telah sebenarnya dibuat atas asas, atau mengikut, amalan Ketua Pengarah yang terdapat pada amnya pada masa bayaran balik itu dibuat; atau

(b) berkenaan dengan apa-apa cukai, lebih daripada lima tahun selepas cukai itu telah dibayar balik.

(2) Jika Ketua Pengarah mendapati seseorang yang boleh dikenakan cukai telah bersalah atas apa-apa jenis fraud, kemungkiran yang sengaja atau kecuaian berkenaan atau berhubung dengan cukai itu, Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa membuat suatu taksiran berkenaan dengan orang itu bagi maksud mendapatkan apa-apa cukai yang hilang disebabkan oleh fraud, kemungkiran yang sengaja atau kecuaian.

(3) Jika dalam sesuatu tahun taksiran—

(a) apa-apa taksiran yang dibuat di bawah Akta ini atau Akta Cukai Pendapatan 1967 berkenaan dengan seseorang bagi mana-mana tahun taksiran yang telah ditentukan oleh mahkamah atas rayuan atau semakan; atau

(b) apa-apa pengecualian yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini yang telah ditarik balik kerana tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan dalam memberi pengecualian sedemikian,

Ketua Pengarah boleh, dalam tahun taksiran yang mula-mula disebut itu atau dalam masa lima tahun selepas tamat tempohnya membuat suatu taksiran berkenaan dengan orang itu bagi mana-mana tahun taksiran bagi maksud memberi kuat kuasa penentuan atau penarikan balik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika menurut seksyen 21B dan tertakluk pada subseksyen 14(5), pemeroleh yang gagal untuk memegang dan meremitkan amaun yang dikehendaki di bawah seksyen itu, dan kegagalan disebabkan oleh pemberitahuan yang tidak betul atau salah yang diserahkan kepadanya di bawah seksyen 13, maka hendaklah dimasukkan ke dalam taksiran itu yang dibuat berkenaan dengan orang yang menyerahkan pemberitahuan itu, suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus cukai yang kena dibayar oleh orang itu.

(4A) Walau apa pun subseksyen (4), Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya atas apa-apa sebab yang baik yang diberikan, meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian jumlah wang yang disebut dalam subseksyen itu dan, jika jumlah wang yang diremitkan itu telah dibayar, Ketua Pengarah hendaklah membayar balik jumlah wang itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), "cukai yang kena dibayar" ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tidak termasuk apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).

Taksiran disifatkan ke atas penyata terpinda

15A. (1) Jika seseorang telah mengemukakan suatu penyata terpinda mengikut seksyen 13A bagi suatu tahun taksiran, Ketua Pengarah hendaklah disifatkan sebagai telah membuat, pada hari penyata terpinda itu dikemukakan, suatu taksiran atau taksiran tambahan berkenaan dengan orang itu—

(a) dalam amaun cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai; atau

(b) dalam amaun cukai yang telah atau mungkin telah dibayar balik secara salah,

cukai atau cukai tambahan itu dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai masing-masing adalah amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata terpinda.

(2) Bagi maksud Akta ini, jika Ketua Pengarah disifatkan sebagai telah membuat suatu taksiran atau taksiran tambahan di bawah subseksyen (1)—

(a) penyata terpinda yang disebut dalam subseksyen itu hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran atau taksiran tambahan; dan

(b) notis taksiran atau taksiran tambahan yang disifatkan itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada hari Ketua Pengarah disifatkan sebagai telah membuat taksiran atau taksiran tambahan itu.

Hal dalam mana pemeroleh boleh ditaksirkan

16. (1) Jika dalam suatu hal yang seksyen 13 terpakai baginya—

(a) balasan atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai terdiri daripada suatu aset lain (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak);

(b) terdapatnya kemungkiran oleh kedua-dua pihak pelupus dan pemeroleh mengemukakan satu penyata kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 13; atau

(c) balasan atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai itu ialah bagi maksud Akta ini nilai pasaran bagi aset itu,

Ketua Pengarah boleh membuat suatu taksiran ke atas pemeroleh itu sebanyak amaun yang sama dengan amaun cukai yang kena dibayar oleh pelupus.

(1A) Jika Ketua Pengarah membuat suatu taksiran ke atas pemeroleh di bawah perenggan (1)*(b),* maka hendaklah dimasukkan dalam taksiran itu sejumlah wang yang sama banyaknya dengan sepuluh peratus daripada cukai yang kena dibayar oleh pelupus itu, yang hendaklah disifatkan sebagai satu kenaikan daripada jenis yang disebutkan dalam subseksyen 21(4).

(2) Sesuatu taksiran yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah bagi semua maksud Akta ini mempunyai kuat kuasa dan dikira seolah-olah ianya adalah suatu taksiran yang dibuat ke atas seseorang yang melupuskan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai:

Dengan syarat bahawa—

(a) pemeroleh yang ditaksirkan di bawah seksyen ini tidak berhak kepada apa-apa potongan dari keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi mana-mana kerugian yang boleh dibenarkan yang ditanggung oleh pelupus itu; dan

(b) berhubung dengan notis taksiran itu, perenggan 17*(b)* hendaklah berkuat kuasa seolah-olah notis taksiran itu tidak mengandungi sebutan mengenai kerugian yang boleh dibenarkan.

(3) Seseorang pemeroleh sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai yang ditaksirkan di bawah seksyen ini berhak—

(a) menuntut sebagai suatu hutang yang genap masanya untuk dibayar kepadanya oleh pelupus amaun apa-apa pembayaran yang telah dibuat menurut taksiran itu; dan

(b) bagi maksud itu, menghendaki Ketua Pengarah memberi suatu perakuan menyatakan amaun yang dibayar,

dan sesuatu perakuan yang diberi sedemikian menjadi keterangan muktamad mengenai fakta yang dinyatakan di dalamnya itu.

Pelepasan taksiran dua kali

16A. Jika dua atau lebih taksiran telah dibuat berkenaan dengan seseorang ke atas keuntungan yang sama berkenaan dengan aset yang boleh dikenakan cukai yang sama bagi suatu tahun taksiran, Ketua Pengarah boleh melepaskan taksiran itu sebagaimana perlu untuk dilepaskan bagi memastikan keuntungan itu dikenakan cukai sekali sahaja bagi tahun itu.

Notis taksiran

17. Ketua Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas suatu taksiran, selain suatu taksiran di bawah subseksyen 14(1) dan 15A(1), telah dibuat, mengarah supaya disampaikan kepada tiap-tiap orang yang ditaksirkan suatu notis taksiran menunjukkan—

(a) tahun taksiran yang dengannya taksiran itu berkaitan;

(b) keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan kerugian yang boleh dibenarkan yang diambil kira pada membuat taksiran itu;

(c) (i) amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang atasnya cukai itu telah ditaksirkan;

(ii) amaun cukai yang ditaksirkan;

(iii) amaun kerugian yang boleh dibenarkan yang dibenarkan;

(iv) amaun cukai yang kena dibayar; dan

(v) tempat di mana dan tempoh dalam masa bila pembayaran hendak dibuat; dan

(d) wujudnya hak merayu yang diberi oleh seksyen 18.

Hak merayu

18. (1) Seseorang yang terkilan dengan sesuatu taksiran yang dibuat mengenainya boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas terhadap taksiran itu mengikut cara yang sama seperti sesuatu rayuan terhadap sesuatu taksiran cukai pendapatan yang dibuat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, dan peruntukan seksyen 99, 100, 101, 101(1A), 101(1B), 101(1C) dan 102 Akta itu, setakat mana ia terpakai dan dengan ubah suaian yang perlu, hendaklah terpakai bagi sesuatu

rayuan terhadap sesuatu taksiran yang dibuat di bawah Akta ini seolah-olah—

(a) tiap-tiap sebutan dalam seksyen itu mengenai cukai pendapatan atau mengenai cukai adalah sebutan mengenai cukai keuntungan harta tanah; dan

(b) tiap-tiap sebutan dalam seksyen itu mengenai pendapatan adalah sebutan mengenai keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

(2) Peruntukan dalam Jadual 5 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi pendengaran rayuan kepada Pesuruhjaya Khas dan bagi pendengaran rayuan yang selanjutnya.

(3) Jika seseorang merayu di bawah Akta ini, dia tidak berhak dalam rayuan itu membuka semula apa-apa persoalan yang telah diselesaikan dengan muktamad menurut subseksyen 20(1) melainkan jika ianya adalah suatu persoalan yang telah pun dibuka semula oleh Ketua Pengarah.

Relif berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan

19. (1) Jika mana-mana orang yang telah membayar cukai bagi mana-mana tahun taksiran mendakwa bahawa suatu taksiran yang berhubungan dengan tahun itu berlebihan oleh sebab kesalahan atau kesilapan dalam sesuatu penyata atau pernyataan yang dibuat oleh orang itu bagi maksud Akta ini dan dikemukakan olehnya kepada Ketua Pengarah sebelum taksiran itu menjadi muktamad dan konklusif, dia boleh dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran dalam masa taksiran itu telah dibuat memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk relif.

(2) Setelah menerima permohonan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah menyiasat perkara itu dan, tertakluk pada seksyen ini, hendaklah memberikan relif itu dengan membayar balik cukai

yang berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan yang diperkatakan itu yang pada pendapatnya adil dan munasabah.

(3) Dalam menentukan apa-apa permohonan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah hendaklah mengambil kira kesemua hal keadaan yang relevan bagi kes itu dan secara khususnya—

(a) hendaklah mempertimbangkan sama ada dengan pemberian relif itu akan mengakibatkan pengenaan cukai kepada pendapatan pemohon tidak dibuat; dan

(b) bagi maksud itu boleh menimbangkan pengenaan cukai terhadap pemohon bagi tahun-tahun taksiran selain tahun yang berkaitan dengan permohonan itu dan taksiran yang dikenakan terhadapnya bagi tahun-tahun tersebut.

(4) Tiada apa-apa relif boleh diberikan di bawah seksyen ini berkenaan dengan suatu kesalahan atau kesilapan tentang asas atasnya pengenaan cukai pemohon itu sepatutnya telah dihitung jika penyata atau pernyataan yang mengandungi kesalahan atau kesilapan itu telah sebenarnya dibuat atas asas, atau mengikut, amalan Ketua Pengarah yang terdapat pada amnya pada masa penyata atau pernyataan itu telah dibuat

(5) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan seberapa yang boleh dibuat dalam bentuk yang sama seperti suatu notis rayuan di bawah seksyen 18, dan, jika pemohon telah terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah—

(a) pemohon boleh, dalam tempoh enam bulan selepas keputusan itu dimaklumkan, meminta dalam borang yang ditetapkan untuk Ketua Pengarah mengemukakan permohonan itu kepada Pesuruhjaya Khas;

(b) Ketua Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas menerima permohonan itu menghantar permohonan itu seolah-olah dia menghantar suatu rayuan

yang dikemukakan menurut seksyen 102 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan

(c) permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan dan hendaklah dibereskan dengan sewajarnya.

Relif selain berkenaan dengan kesalahan atau kesilapan

19A. (1) Jika mana-mana orang, yang telah mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata berkenaan dengan suatu aset yang boleh dikenakan cukai yang telah dilupuskan dalam suatu tahun taksiran mengikut seksyen 13 dan telah membayar cukai bagi pelupusan itu, yang mengatakan bahawa taksiran yang berhubung dengan tahun taksiran itu berlebihan dengan alasan—

(a) apa-apa pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan yang diberikan bagi tahun taksiran itu di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain disiarkan dalam *Warta* selepas tahun taksiran yang penyata itu telah dikemukakan; atau

(b) kelulusan bagi apa-apa pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan yang telah diberikan selepas tahun taksiran yang penyata itu telah dikemukakan,

orang itu boleh membuat suatu permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah bagi relif.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan itu disiarkan dalam *Warta* atau kelulusan yang telah diberikan, mengikut mana yang kemudian.

(3) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah menyiasat perkara itu dan boleh memberikan apa-apa relif secara bayaran balik semula cukai

sebagaimana yang ternyata pada Ketua Pengarah adalah adil dan munasabah.

(4) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan sehampir mungkin yang boleh dibuat dalam bentuk yang sama seperti suatu notis rayuan di bawah seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(5) Jika pemohon terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah atas permohonan di bawah subseksyen (1)—

(a) pemohon boleh dalam tempoh masa enam bulan selepas dimaklumkan keputusan itu, meminta dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah untuk mengemukakan permohonan itu kepada Pesuruhjaya Khas;

(b) Ketua Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas menerima permohonan itu menghantar permohonan itu seolah-olah dia menghantar suatu rayuan yang dikemukakan menurut seksyen 102 Akta Cukai Pendapatan 1967; dan

(c) permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu rayuan dan hendaklah dibereskan sewajarnya.

Kemuktamadan taksiran

20. (1) Jika—

(a) tiada notis rayuan yang sah terhadap suatu taksiran telah diberikan di bawah seksyen 18 dalam masa yang dinyatakan oleh seksyen tersebut (atau apa-apa pelanjutan masa seterusnya);

(b) suatu persetujuan telah tercapai mengenai suatu taksiran menurut subseksyen 101(2) Akta Cukai Pendapatan 1967;

(c) suatu taksiran telah diputuskan atas rayuan dan tiada hak untuk rayuan lanjut; atau

(d) suatu notis rayuan yang sah terhadap suatu taksiran telah diberikan tetapi perayu itu meninggal dunia sebelum pendengaran rayuan oleh Pesuruhjaya Khas dimulakan atau selesai dan tiada wakil peribadi harta pusaka si mati perayu memohon kepada Pesuruhjaya Khas dalam tempoh dua tahun selepas kematiannya untuk meneruskan atau menyelesaikan pendengarannya,

taksiran yang telah dibuat, dipersetujui atau diputuskan adalah muktamad dan konklusif bagi maksud Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menjejaskan pelaksanaan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh seksyen 15 atau 16A.

Pembayaran cukai

21. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (1A) dan (1B), cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran hendaklah, apabila disampaikan notis taksiran itu kepada orang yang ditaksirkan itu, genap masanya dan kena dibayar di tempat yang ditentukan dalam notis itu sama ada orang itu merayu terhadap taksiran itu atau tidak.

(1A) Jika suatu taksiran ke atas suatu penyata telah dibuat di bawah subseksyen 14(1), cukai yang kena dibayar di bawah taksiran itu hendaklah genap masanya dan kena dibayar dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pelupusan sama ada orang itu merayu terhadap taksiran itu atau tidak.

(1B) Jika suatu taksiran ke atas suatu penyata terpinda telah dibuat di bawah seksyen 15A, cukai atau cukai tambahan yang kena dibayar di bawah taksiran itu hendaklah genap masanya dan kena dibayar pada

hari penyata terpinda itu dikemukakan sama ada orang itu merayu terhadap taksiran atau taksiran tambahan itu atau tidak.

(2) Jika cukai yang kena dibayar di bawah sesuatu taksiran dinaikkan dalam rayuan, cukai tambahan yang kena dibayar menurut taksiran yang dinaikkan itu hendaklah, apabila disampaikan notis taksiran yang dinaikkan itu kepada orang yang ditaksirkan itu, genap masanya dan kena dibayar di tempat yang ditentukan dalam notis itu.

(3) Jika apa-apa cukai dibayar mengikut subseksyen (1), (1A), (1B) atau (2), Ketua Pengarah boleh membenarkan supaya cukai itu dibayar dengan ansuran sebanyak apa-apa amaun dan pada sesuatu tarikh sebagaimana yang ditentukan olehnya.

(4) Tertakluk pada subseksyen (3), jika apa-apa cukai yang genap masanya dan kena dibayar apabila disampaikan suatu notis mengikut subseksyen (1) atau (2) tidak dibayar dalam tempoh tiga puluh hari selepas disampaikan notis itu (atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) atau jika apa-apa cukai yang genap masanya dan kena dibayar di bawah subseksyen (1A) tidak dibayar dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pelupusan, maka sekian banyak daripada cukai yang tidak dibayar itu apabila tamat tempoh tiga puluh hari itu atau tempoh yang lebih lama itu, atau apabila tamat tempoh sembilan puluh hari itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepadanya, dinaikkan sebanyak jumlah yang sama dengan sepuluh peratus daripada cukai yang tidak dibayar sedemikian, dan jumlah wang itu boleh dituntut seolah-olah cukai itu ialah cukai yang genap masanya dan kena dibayar di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa—

(a) jika cukai yang kena dibayar itu dikurangkan dalam rayuan atau selainnya, jumlah wang telah dibayar atau yang kena dibayar sebagai kenaikan itu hendaklah dikurangkan mengikut kadarnya; dan

(b) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya, bagi apa-apa sebab yang baik yang diberi, meremit kesemua atau apa-apa bahagian daripada apa-apa kenaikan dalam cukai yang kena dibayar di bawah subseksyen ini.

Perakuan tidak dikenakan cukai

21A. (1) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu pelupus dalam suatu perakuan tidak dikenakan cukai dalam borang yang ditetapkan melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A jika dia berpuas hati bahawa tiada keuntungan yang boleh dikenakan cukai telah timbul.

(2) Perakuan tidak dikenakan cukai yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai telah diberitahu kepada pelupus mengikut subseksyen (1) pada hari penyata di bawah seksyen 13 itu dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

Kewajipan pemeroleh untuk memegang simpan dan membayar sebahagian daripada balasan

21B. (1) Tertakluk pada subseksyen (1A), (1B) dan (1C), jika suatu pelupusan yang seksyen 13 terpakai baginya dan balasan itu terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada wang, pemeroleh itu hendaklah—

(a) memegang simpan kesemua wang itu;

(b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi tiga peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau

(c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.

(1A) Tertakluk pada subseksyen (1C), jika suatu pelupusan di bawah subseksyen (1) dibuat oleh seorang pelupus di bawah Bahagian II Jadual 5 berhubung dengan suatu pelupusan dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai, pemeroleh itu hendaklah—

(a) memegang simpan kesemua wang itu;

(b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi lima peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau

(c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.

(1B) Tertakluk pada subseksyen (1C), jika suatu pelupusan di bawah subseksyen (1) dibuat oleh seorang pelupus di bawah Bahagian III Jadual 5, pemeroleh itu hendaklah—

(a) memegang simpan kesemua wang itu;

(b) memegang simpan suatu jumlah wang tidak melebihi tujuh peratus daripada jumlah nilai balasan itu; atau

(c) memegang simpan amaun cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disifatkan telah ditaksirkan di bawah subseksyen 14(1),

mengikut mana-mana yang kurang dan, sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak, dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah.

(1C) Berhubung dengan amaun yang dipegang simpan di bawah subseksyen (1), (1A) atau (1B), Ketua Pengarah boleh dalam hal keadaan khas membenarkan pelanjutan masa bagi amaun itu dibayar.

(1D) Perenggan (1)*(c)*, (1A)*(c)* atau (1B)*(c)* hanya boleh terpakai jika pemberitahuan di bawah subseksyen 13(9) diterima oleh pemeroleh itu sebelum amaun yang dipegang simpan di bawah perenggan (1)*(a)* atau *(b)*, (1A)*(a)* atau *(b)*, atau (1B)*(a)* atau *(b)* itu dibayar kepada Ketua Pengarah.

(2) Jika pemeroleh gagal membayar mana-mana amaun yang genap masanya di bawah subseksyen (1), (1A) atau (1B), amaun yang gagal dibayar olehnya itu hendaklah dinaikkan dengan suatu jumlah bersamaan dengan sepuluh peratus amaun yang gagal dibayar itu, dan amaun dan jumlah kenaikan itu hendaklah menjadi hutang yang genap masanya untuk dibayar olehnya kepada Kerajaan dan hendaklah kena dibayar dengan serta-merta kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika menurut seksyen ini, mana-mana amaun yang disebut dalam subseksyen (1), (1A) atau (1B) dibayar kepada Ketua Pengarah oleh pemeroleh atau didapatkan oleh Ketua Pengarah daripada pemeroleh itu—

(a) Ketua Pengarah hendaklah menggunakan amaun itu untuk bayaran cukai yang dikenakan atas pelupus yang dengannya pemeroleh itu bertanggungan membayar bayaran yang amaun itu berkaitan; atau

(b) jika pemeroleh itu tidak memegang simpan amaun itu bagi membuat bayaran di bawah subseksyen (1), (1A) atau (1B) berkenaan dengan amaun yang berkaitan itu, pemeroleh itu boleh mendapatkan amaun itu daripada pelupus sebagai hutang yang genap masanya untuk dibayar kepadanya.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), (1A) atau (1B), jika amaun yang genap masanya dibayar daripada pemeroleh di bawah subseksyen (1), (1A) atau (1B) dinaikkan dengan suatu jumlah di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya kerana apa-apa sebab yang baik yang diberikan, meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada jumlah wang itu dan, jika jumlah wang yang diremitkan telah dibayar, Ketua Pengarah hendaklah membayar balik jumlah wang itu.

(5) Seksyen ini tidak terpakai jika suatu pemberitahuan di bawah subseksyen 13(6) diserahkan kepada pemeroleh dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan.

Cukai kena dibayar walaupun prosiding telah dimulakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain

21C. Memulakan apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain terhadap Kerajaan atau Ketua Pengarah tidak melepaskan mana-mana orang daripada tanggungan untuk membayar apa-apa cukai, hutang atau jumlah lain yang baginya dia bertanggungan untuk membayar di bawah Bahagian ini.

Menuntut daripada orang yang meninggalkan Malaysia

22. (1) Ketua Pengarah, jika dia berpendapat bahawa seseorang hampir hendak atau mungkin meninggalkan Malaysia tanpa membayar—

(a) semua cukai yang kena dibayar olehnya (sama ada genap masanya atau genap masanya dan kena dibayar atau tidak);

(b) semua jumlah wang yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 21(4); dan

(c) hutang yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 21B(2),

boleh mengeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen suatu perakuan mengandungi butir-butir cukai, jumlah wang yang kena dibayar dan hutang yang kena dibayar sedemikian dengan suatu permintaan supaya orang itu ditahan daripada meninggalkan Malaysia melainkan dan sehingga dia membayar semua cukai, jumlah wang yang kena dibayar dan hutang yang kena dibayar sedemikian atau memberi cagaran dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya.

(1A) Perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dikeluarkan kepada mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

(2) Tertakluk pada sesuatu perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan buang negeri atau imigresen, mana-mana Pesuruhjaya Polis atau Pengarah Imigresen yang menerima suatu permintaan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan mana-mana orang hendaklah mengambil atau mengarahkan supaya diambil segala langkah (termasuk menggunakan kekerasan yang berpatutan dan merampas, mengambil atau menyimpan apa-apa perakuan pengenalan dan apa-apa pasport, permit keluar atau dokumen lain perjalanan berhubung dengan orang itu) yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan supaya notis mengenai pengeluaran sesuatu perakuan di bawah subseksyen (1) disampaikan kepada orang itu sendiri atau melalui pos berdaftar kepada orang itu yang dengannya perakuan itu adalah berkaitan:

Dengan syarat bahawa tidak adanya notis itu diterima oleh orang itu tidaklah menjadikan tidak sah apa-apa jua yang dilakukan di bawah seksyen ini.

(4) Jika seseorang yang berkenaan dengannya suatu perakuan telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1)—

(a) mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani pada atau selepas tarikh perakuan itu oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa yang bermaksud bahawa semua cukai, jumlah wang dan hutang yang dinyatakan dalam perakuan itu telah dibayar atau bahawa cagaran telah diberi bagi pembayarannya; atau

(b) membayar semua cukai, jumlah wang dan hutang yang dinyatakan dalam perakuan itu kepada pegawai penjaga balai polis atau kepada seorang pegawai imigresen,

pernyataan itu atau pembayaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjadi kuasa yang mencukupi bagi membenarkan orang itu meninggalkan Malaysia.

(5) Tiada apa-apa prosiding di sisi undang-undang boleh dimulakan atau diteruskan terhadap Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri, seseorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam lain berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan dengan sah di sisi undang-undang di bawah seksyen ini atau subseksyen 32(2).

(6) Dalam seksyen ini—

"orang" termasuklah pengarah suatu syarikat yang dinyatakan dalam subperenggan 5(1A) Jadual 1;

"pegawai imigresen" ertinya seorang pegawai awam yang ada mempunyai kewajipan rasmi berhubungan dengan kawalan imigresen ke Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia;

"Pengarah Imigresen" ertinya Pengarah Imigresen di mana-mana bahagian Malaysia;

"Pesuruhjaya Polis" termasuklah seorang Ketua Pegawai Polis.

Menuntut cukai melalui guaman

23. (1) Cukai yang genap masanya dan kena dibayar boleh dituntut oleh Kerajaan melalui prosiding sivil sebagai suatu hutang yang genap masanya dibayar kepada Kerajaan.

(2) Ketua Pengarah dan semua pegawai yang diberi kuasa hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah subseksyen 25(1) Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*], berkenaan dengan segala prosiding di bawah seksyen ini.

(3) Dalam sesuatu prosiding di bawah seksyen ini mahkamah tidak boleh melayani apa-apa hujah bahawa amaun cukai yang hendak didapatkan itu adalah berlebihan, ditaksir dengan tidak betul, dalam rayuan atau dinaikkan dengan tidak betul di bawah subseksyen 21(4).

Memulangkan balik bayaran yang terlebih

24. (1) Tertakluk pada seksyen ini, jika dibuktikan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa seseorang telah membayar cukai bagi sesuatu tahun taksiran lebih daripada amaun yang kena dibayar di bawah Akta ini, orang itu berhak mendapatkan wang yang berlebihan itu dipulangkan balik oleh Kerajaan.

(2) Jika dalam sesuatu hal seperti tersebut dalam subseksyen (1) wang yang berlebihan itu telah dibayar oleh pemeroleh sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai menurut suatu taksiran yang dibuat ke atasnya di bawah subseksyen 16(1), wang yang berlebihan itu—

(a) tidak boleh dipulangkan balik kepada pemeroleh itu melainkan jika dia memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia belum lagi mendapatkannya daripada pelupus di bawah subseksyen 16(3);

(b) hendaklah dipulangkan balik kepada pelupus jika dia memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa pemeroleh

itu telah mendapatkannya daripadanya di bawah subseksyen 16(3);

(c) hendaklah disimpan oleh Kerajaan jika Ketua Pengarah tidak berpuas hati sedemikian.

(3) Tiada apa-apa tuntutan untuk mendapatkan pembayaran balik di bawah seksyen ini boleh menjadi sah melainkan jika tuntutan itu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran yang dengannya tuntutan itu adalah berkaitan.

(4) Seksyen ini tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa—

(a) untuk melanjutkan apa-apa had masa bagi merayu, mengesahkan sesuatu rayuan yang mana sebaliknya adalah tidak sah atau membenarkan penyemakan sesuatu taksiran atau perkara lain yang telah menjadi muktamad;

(b) untuk memaksa Kerajaan memulangkan balik amaun cukai yang berlebihan yang telah dibayar berkenaan dengan sesuatu taksiran melainkan jika taksiran itu telah diputuskan dengan muktamad.

(5) Wakil bagi seseorang yang hilang upaya atau yang mati berhak mendapat pulangan balik di bawah subseksyen (1) bagi faedah orang itu atau faedah harta pusakanya akan apa-apa bayaran yang berlebihan dalam erti subseksyen itu.

(6) Ketua Pengarah hendaklah—

(a) memperakui amaun apa-apa jumlah wang yang kena dibayar balik di bawah seksyen ini; dan

(b) mengarahkan supaya pembayaran balik dibuat dengan segera.

(7) Bagi maksud seksyen ini—

(a) sebutan mengenai pembayaran cukai termasuklah sebutan mengenai pembayaran amaun yang kena dibayar itu menurut seksyen 21B; dan

(b) pembayaran cukai oleh wakil seseorang yang hilang upaya atau yang mati hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat oleh orang itu.

(7A) Apa-apa jumlah lebihan berkenaan dengan cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran yang kena dibayar balik kepada seseorang di bawah subseksyen (1) boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran—

(a) apa-apa amaun cukai lain yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh orang itu di bawah Akta ini, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*] atau Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*]; atau

(b) apa-apa amaun duti lain yang genap masa dan kena dibayar oleh orang itu di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*].

(7B) Jika amaun lebihan yang berkenaan dengan seseorang ditentukan menurut subseksyen 80C(1) Akta Setem 1949, subseksyen 111(4A) Akta Cukai Pendapatan 1967, subseksyen 50(4) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 atau subseksyen 12(2) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 lebihan itu hendaklah digunakan bagi pembayaran cukai yang genap masa dan kena dibayar (termasuk apa-apa amaun ansuran yang genap masa dan kena dibayar) oleh orang itu di bawah Akta ini.

(8) Dalam seksyen ini—

"orang hilang upaya" ertinya seorang yang oleh sebab tidak berdaya, bankrap atau likuidasi, atau oleh sebab sesuatu sebab lain tidak berupaya menguruskan hal ehwalnya sendiri;

"wakil" ertinya mengenai seorang yang mati, wasinya, dan mengenai seorang hilang upaya, pemegang amanah, penjaga, jawatankuasa atau orang lain yang menguruskan hal ehwalnya.

Kumpulan Wang bagi pembayaran balik cukai

24A. (1) Maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 apa-apa amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri.

(2) Wang daripada Kumpulan Wang yang disebut dalam subseksyen (1), hendaklah dipakai bagi membuat sesuatu pembayaran balik untuk suatu amaun cukai yang telah dibayar berlebihan atas amaun yang kena dibayar sebagaimana yang ditentukan dalam seksyen 24.

(3) Seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] tidak terpakai bagi mana-mana pembayaran balik amaun berlebihan yang kena dibayar sebagaimana yang ditentukan dalam seksyen 24.

Peruntukan mencegah pengelakan daripada membayar cukai

25. (1) Jika sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan telah dahulunya diperoleh oleh pelupus bagi suatu balasan yang sepenuhnya atau sebahagian besarnya diperuntukkan oleh seorang yang berkaitan dalam erti Jadual 2 (melainkan sebagai suatu pinjaman *bona fide* yang diberi semasa menjalankan perniagaan sebagai seorang pemberi pinjam wang), aset itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilupuskan oleh orang itu dan bukan oleh pelupus itu:

Dengan syarat bahawa jika aset yang dilupuskan itu telah diperoleh oleh pelupus itu daripada orang itu, maka orang itu hendaklah, bagi maksud menghitung sesuatu keuntungan yang terakru kepada atau kerugian yang ditanggung olehnya menurut perjalanan kuat kuasa subseksyen ini, disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu dengan

suatu harga perolehan yang sama banyaknya dengan balasan itu yang, menurut perenggan 9 dan subperenggan 23(1) Jadual 2, dia disifatkan sebagai telah terima semasa aset itu diperoleh oleh pelupus itu.

(2) Ketua Pengarah, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu transaksi mempunyai kesan langsung atau tidak langsung bagi—

(a) mengubah beban cukai yang kena dibayar atau yang ditanggung oleh atau yang sebaliknya tetap telah kena dibayar atau ditanggung oleh seseorang;

(b) melepaskan seseorang daripada apa-apa tanggungan yang telah timbul atau yang sebaliknya tetap telah timbul untuk membayar cukai atau membuat suatu penyata;

(c) melarikan atau mengelakkan apa-apa duti atau tanggungan yang dikenakan atau yang sebaliknya tetap telah dikenakan ke atas mana-mana orang oleh Akta ini; atau

(d) merintangi atau menghalang perjalanan kuat kuasa Akta ini dalam apa-apa hal,

boleh, tanpa menyentuh sahnya transaksi itu dalam sesuatu hal lain atau bagi sesuatu maksud lain, mengenepikan atau mengubah transaksi itu dan membuat apa-apa taksiran yang difikirkannya adil dan patut dalam hal keadaan itu.

(3) Dalam seksyen ini "transaksi" ertinya sesuatu amanah, pemberian, waad, perjanjian, perkiraan atau disposisi lain atau transaksi yang dibuat (sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini), dan termasuklah sesuatu transaksi yang dibuat oleh dua orang atau lebih dengan seorang atau beberapa orang lain.

Peremitan

26. (1) Cukai yang dibayar atau kena dibayar oleh seseorang boleh diremitkan, kesemuanya atau sebahagiannya—

(a) atas alasan kemiskinan, oleh Ketua Pengarah;

(b) atas alasan kesusahan yang tidak sewajarnya atau alasan keadilan dan ekuiti, oleh Menteri.

(2) Jika seseorang yang telah diberi peremitan di bawah subseksyen (1) telah membayar mana-mana daripada cukai yang dengannya peremitan itu berkaitan, dia berhak mendapatkan amaun yang dia telah bayar itu dipulangkan balik kepadanya seolah-olah ianya adalah pembayaran terlebih yang baginya seksyen 24 terpakai.

BAHAGIAN IV

PENYIASATAN DAN HUKUMAN

Kuasa untuk meminta maklumat, dsb.

27. (1) Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis mengkehendaki mana-mana orang memberi dalam tempoh empat belas hari atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana dinyatakan dalam notis itu apa-apa maklumat berkenaan dengan apa-apa perkara yang mengenainya suatu penyata di bawah Akta ini telah dibuat atau adalah dikehendaki dibuat:

Dengan syarat bahawa jika orang itu ialah seorang pegawai awam atau seorang pegawai yang bekerja dengan suatu pihak berkuasa tempatan atau badan awam lain, dia tidaklah berkewajipan menzahirkan apa-apa butir yang mengenainya dia berkewajipan di sisi statut mematuhi kerahsiaan.

(2) Bagi maksud mendapatkan maklumat penuh tentang tanggungan seseorang terhadap cukai, Ketua Pengarah boleh

menghendaki orang itu atau mana-mana orang lain dengan notis secara bertulis—

(a) memenuhi dan menyerahkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu (iaitu tidak kurang dari empat belas hari dari tarikh disampaikan notis itu) apa-apa penyata yang dinyatakan dalam notis itu; atau

(b) hadir sendiri di hadapan Ketua Pengarah dan mengemukakan untuk diperiksa semua buku, akaun, penyata dan dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang memberi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu (iaitu tidak kurang dari tiga puluh hari dari tarikh disampaikan notis itu) suatu pernyataan mengandungi butir-butir mengenai—

(a) semua akaun bank (sama ada semasa atau deposit, perniagaan atau persendirian atau atas namanya sendiri, nama isterinya atau apa-apa nama lain):

(i) dalam mana dia sedang ada atau telah ada mempunyai kepentingan secara bersesama atau secara tunggal; atau

(ii) yang dia berkuasa atau telah berkuasa menggunakannya secara bersesama atau secara tunggal,

iaitu akaun yang sedang ada atau telah ada pada bila-bila masa dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis itu;

(b) semua akaun simpanan dan pinjaman, deposit, akaun syarikat bangunan dan akaun syarikat kerjasama yang mengenainya dia ada atau telah mempunyai sesuatu kepentingan atau kuasa menggunakannya secara bersesama atau secara tunggal dalam tempoh itu;

(c) semua aset melainkan aset yang disebutkan dalam perenggan *(a)* dan *(b)* yang dia telah miliki dalam tempoh itu;

(d) semua wang yang boleh diterima olehnya dalam tempoh itu melainkan daripada punca yang disebutkan dalam perenggan *(a)* hingga *(c)*; dan

(e) semua fakta mengenai tanggungannya terhadap cukai, sama ada pada masa itu atau pada masa lepas.

Kuasa untuk memasuki bangunan dan melihat dokumen, dsb.

28. (1) Bagi maksud Akta ini Ketua Pengarah berhak setiap masa dengan sepenuhnya dan bebas untuk memasuki semua tanah, bangunan dan tempat lain dan untuk melihat semua buku dan dokumen lain dan boleh menggeledah tanah, bangunan dan tempat itu dan boleh memeriksa, menyalin atau membuat cabutan daripada mana-mana buku atau dokumen itu tanpa membuat apa-apa pembayaran sebagai bayaran atau hadiah.

(2) Ketua Pengarah boleh mengambil milik mana-mana buku atau dokumen yang dia berhak melihat di bawah subseksyen (1), jika pada pendapatnya—

(a) kerja memeriksanya, menyalinnya atau membuat cabutan daripadanya tidak munasabah dapat dijalankan tanpa mengambil miliknya; atau

(b) buku atau dokumen itu boleh diganggu atau dimusnahkan melainkan dia mengambil miliknya; atau

(c) buku atau dokumen itu mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam sesuatu perbicaraan di sisi undang-undang yang dibawa di bawah atau berkenaan dengan Akta ini.

(3) Jika pada pendapat Ketua Pengarah adalah perlu bagi maksud Akta ini diperiksa mana-mana buku, akaun, rekod atau dokumen lain yang—

(a) dibuat atau disimpan oleh, atau yang ada dalam milik atau di bawah kawalan, seseorang yang bertanggungan terhadap cukai; dan

(b) dibuat atau disimpan dalam suatu bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan,

dia boleh dengan notis secara bertulis menghendaki orang itu memberi suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan:

Dengan syarat bahawa di Sarawak subseksyen ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah perkataan "atau bahasa Inggeris" telah dimasukkan selepas perkataan 'bahasa kebangsaan' di mana-mana jua perkataan itu terdapat.

Kuasa untuk meminta penyata spesifik dan pengemukaan buku

28A. Bagi maksud untuk mendapatkan maklumat penuh bagi menentukan sama ada atau tidak seseorang boleh dikenakan cukai atau bagi menentukan liabilitinya, Ketua Pengarah boleh melalui notis di bawah tandatangannya menghendaki orang itu atau mana-mana orang lain—

(a) untuk memenuhi dan menyerahkan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh disampaikan notis itu, apa-apa penyata yang dinyatakan dalam notis;

(b) untuk hadir sendiri di hadapan Ketua Pengarah dan mengemukakan untuk diperiksa semua buku, akaun, penyata dan dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah;

(c) untuk menyediakan penyata mengikut perenggan *(a)* dan untuk hadir juga menurut perenggan *(b)*; atau

(d) untuk memberikan secara bertulis apa-apa maklumat atau butir-butir yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

Kuasa untuk meminta penyata akaun bank, dsb.

28B. Ketua Pengarah boleh melalui notis di bawah tandatangannya menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan dalam masa yang dinyatakan dalam notis, tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh disampaikan notis itu, suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir mengenai—

(a) semua akaun bank—

(i) atas namanya sendiri atau nama isteri atau anak tanggungannya atau secara bersesama atas apa-apa nama itu;

(ii) yang dia berkepentingan atau telah berkepentingan sama ada secara bersesama atau tunggal; atau

(iii) yang orang itu berkuasa atau telah berkuasa untuk menggunakan secara bersesama atau tunggal,

yang merupakan akaun yang sedia ada atau telah ada pada bila-bila masa dalam suatu tempoh yang dinyatakan dalam notis;

(b) semua akaun simpanan dan pinjaman, deposit, akaun syarikat bangunan dan akaun syarikat kerjasama yang mengenainya orang itu ada atau telah mempunyai apa-apa kepentingan atau kuasa untuk menggunakannya secara bersesama atau tunggal dalam tempoh itu;

(c) semua aset yang orang itu dan mana-mana isteri atau anak tanggungannya sedang dimiliki atau telah dimiliki dalam tempoh itu;

(d) semua pelupusan orang itu dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan itu; dan

(e) semua fakta mengenai cukai yang boleh dikenakan ke atasnya sekarang atau dahulu.

Kewajipan untuk menyimpan dokumen bagi menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan cukai yang kena dibayar

28C. (1) Tertakluk pada seksyen ini, tiap-tiap orang yang dikehendaki untuk mengemukakan suatu penyata pelupusannya bagi suatu tahun taksiran di bawah Akta ini hendaklah menyimpan dan memegang simpan dalam jagaan selamat dokumen yang mencukupi bagi suatu tempoh tujuh tahun dari akhir tahun taksiran itu bagi maksud menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan cukai yang kena dibayar olehnya.

(2) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak mengemukakan suatu penyata yang dikehendaki di bawah Akta ini bagi suatu tahun taksiran, orang itu hendaklah menyimpan dan memegang simpan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) yang berhubungan dengan tahun taksiran itu bagi suatu tempoh tujuh tahun selepas akhir tahun penyata itu dikemukakan.

(3) Ketua Pengarah boleh mengetepikan semua atau mana-mana peruntukan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan apa-apa pelupusan.

(4) Mana-mana orang yang dikehendaki oleh seksyen ini untuk menyimpan dokumen dan—

(a) berbuat demikian secara elektronik, hendaklah memegang simpan dokumen itu dalam format elektronik yang boleh dibaca dan hendaklah menyimpan dokumen itu mengikut cara yang sedemikian rupa untuk membolehkan dokumen itu mudah diakses dan boleh ditukar ke dalam bentuk tulisan; atau

(b) telah pada asalnya menyimpan dokumen dalam bentuk manual dan kemudiannya menukarkan dokumen itu ke dalam bentuk elektronik, hendaklah memegang simpan dokumen itu sebelum ditukarkan dalam bentuk asalnya.

(5) Semua dokumen yang berkaitan dengan apa-apa pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai di Malaysia hendaklah disimpan dan dipegang simpan di Malaysia.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "dokumen" termasuklah—

(a) penyata keuntungan yang boleh dikenakan cukai;

(b) penyata pendapatan dan kos sampingan; dan

(c) invois, baucar, resit dan apa-apa dokumen lain yang perlu untuk menentusahkan butir-butir dalam penyata.

Kemungkiran memberitahu atau membuat penyata pelupusan

29. (1) Seseorang yang, tanpa sebab yang berpatutan, mungkir membuat suatu penyata yang dikehendaki oleh subseksyen 13(1) atau mungkir membuat suatu akuan di bawah subseksyen 13(5), bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan di bawah subseksyen (1), beban bagi membuktikan bahawa suatu penyata telah dibuat atau suatu pemberitahuan telah diberi atau suatu akuan telah dibuat hendaklah terletak ke atas orang yang dituduh.

(2A) Jika seseorang telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh membuat suatu perintah lanjutan menghendaki orang itu untuk mematuhi peruntukan Akta ini yang berkaitan yang di bawahnya kesalahan itu telah dilakukan dalam tempoh tiga puluh hari, atau suatu tempoh lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, dari tarikh perintah itu dibuat.

(3) Jika berhubung dengan suatu tahun taksiran seseorang mungkir membuat suatu penyata yang dikehendaki oleh subseksyen 13(1) atau mungkir membuat suatu akuan di bawah subseksyen 13(5) dan tiada apa-apa pendakwaan di bawah subseksyen (1) telah dimulakan berhubung dengan kemungkiran itu—

(a) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang itu membayar suatu penalti yang sama dengan tiga kali ganda dari amaun cukai yang kena dibayar bagi tahun itu; dan

(b) jika orang itu membayar penalti itu (atau, jika penalti itu dikurangkan atau diremit di bawah subseksyen 40(3) sekian banyak, jika ada, daripada penalti yang tidak dikurangkan atau diremit itu), dia tidak boleh dipertuduhkan atas fakta yang sama atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(4) Bagi maksud subseksyen (3), "cukai yang kena dibayar" ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tidak termasuk apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).

(5) Ketua Pengarah boleh menghendaki mana–mana orang untuk membayar suatu amaun tambahan penalti mengikut subseksyen (3) berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan yang kena dibayar oleh orang itu bagi suatu tahun taksiran.

Penyata, dsb., yang tidak betul

30. (1) Seseorang yang—

(a) membuat sesuatu penyata yang tidak betul bagi pihak dirinya atau seorang lain dengan meninggalkan apa-apa butir yang dikehendaki oleh Akta ini berhubungan dengan sesuatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai, memberi angka yang rendah bagi keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau memberi angka yang berlebihan bagi apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan; atau

(b) memberi apa-apa maklumat lain yang tidak betul berhubung dengan apa-apa perkara lain mengenai tanggungannya sendiri atau tanggungan mana-mana orang lain terhadap cukai,

hendaklah, melainkan jika dia memuaskan hati mahkamah bahawa penyata yang tidak betul itu atau maklumat lain yang tidak betul itu telah dibuat atau diberi dengan suci hati, bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, dan hendaklah membayar suatu penalti khas sebanyak dua kali ganda daripada amaun cukai yang telah terkurang dikenakan akibat penyata atau maklumat lain yang tidak betul itu atau yang tetap terkurang dikenakan jika penyata atau maklumat itu diterima sebagai betul.

(2) Jika seseorang membuat suatu penyata yang tidak betul dan memberi maklumat lain yang tidak betul dengan cara yang diperihalkan dalam perenggan (1)*(a)* atau *(b)*, Ketua Pengarah boleh, jika tiada apa-apa pendakwaan di bawah subseksyen (1) telah dimulakan berhubung dengan penyata yang tidak betul atau maklumat yang tidak betul itu, menghendaki orang itu membayar suatu penalti yang sama banyaknya dengan amaun cukai yang telah terkurang dikenakan itu akibat penyata atau maklumat yang tidak betul itu atau yang tetap terkurang dikenakan jika penyata atau maklumat itu diterima sebagai betul, dan jika orang itu membayar penalti itu (atau, jika penalti itu dikurangkan atau diremit di bawah subseksyen 40(3) sekian banyak, jika ada, daripada penalti yang tidak dikurangkan atau diremit itu), dia tidak boleh dipertuduhkan atas fakta yang sama atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

Sengaja melarikan cukai

31. (1) Seseorang yang sengaja dan dengan niat hendak melarikan cukai atau membantu seseorang lain melarikan cukai—

(a) meninggalkan dari sesuatu penyata di bawah Akta ini apa-apa butir yang dikehendaki di bawah Akta ini

berhubungan dengan apa-apa pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai;

(b) membuat sesuatu pernyataan atau catatan palsu dalam sesuatu penyata yang dibuat di bawah Akta ini;

(c) memberi sesuatu jawapan palsu (secara lisan atau secara bertulis) pada sesuatu soalan yang ditanya atau pada permintaan untuk maklumat yang dibuat di bawah Akta ini;

(d) menyediakan atau menyenggara atau membenar disediakan atau disenggara apa-apa buku akaun palsu atau rekod palsu lain;

(e) memalsu atau membenar dipalsukan apa-apa buku akaun atau rekod lain;

(f) mengemukakan atau membenarkan atau memberi kuasa supaya dikemukakan, buku akaun yang dia ketahui sebagai palsu;

(g) menggunakan atau membenar digunakan sesuatu fraud, tipu daya atau muslihat; atau

(h) membuat berkenaan dengan cukai itu suatu tuntutan fraud untuk mendapat pembayaran balik,

bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya, dan hendaklah membayar suatu penalti khas sebanyak tiga kali ganda dari amaun cukai yang telah terkurang dikenakan itu akibat kesalahan itu atau yang tetap terkurang dikenakan jika kesalahan itu tidak diketahui.

(2) Jika dalam sesuatu prosiding di bawah seksyen ini dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau suatu catatan palsu (sama ada dengan cara ditinggalkan atau selainnya) telah dibuat dalam sesuatu penyata yang dibuat di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak seseorang

atau dalam mana-mana buku akaun atau rekod lain yang disenggara oleh atau bagi pihak seseorang, orang itu hendaklah dianggap sehingga akasnya dibuktikan sebagai telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu dengan niat hendak melarikan cukai.

Meninggalkan Malaysia tanpa membayar cukai, jumlah wang atau hutang

***32.** (1) Mana-mana orang yang, mengetahui bahawa suatu perakuan telah dikeluarkan berkenaan dengannya di bawah seksyen 22, dengan sukarela meninggalkan atau cuba meninggalkan Malaysia tanpa membayar semua cukai, jumlah wang atau hutang yang kena dibayar olehnya atau tanpa memberi cagaran dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayarannya orang itu bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda *tidak kurang daripada dua ratus ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Seseorang pegawai polis atau pegawai imigresen boleh menangkap tanpa waran seseorang yang dia syaki dengan munasabah sebagai melakukan atau hampir hendak melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini.

Menghalang pegawai

33. Seseorang yang—

(a) menghalang atau enggan membenarkan Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa memasuki mana-mana tanah, bangunan atau tempat menurut seksyen 28;

**CATATAN*—Sebelum ini "didenda tidak melebihi lima ribu ringgit"—*lihat* subseksyen 31*(b)* Akta Kewangan 2021 [*Akta 833*].

(b) menghalang Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa pada menjalankan fungsinya di bawah Akta ini;

(c) enggan mengemukakan apa-apa buku atau dokumen lain dalam jagaannya atau di bawah kawalannya apabila dikehendaki berbuat demikian itu oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud Akta ini;

(d) tidak memberi bantuan yang munasabah kepada Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi mana-mana daripada maksud itu; atau

(e) enggan menjawab sesuatu soalan berhubungan dengan mana-mana daripada maksud itu yang ditanyakan padanya dengan sah di sisi undang-undang oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa,

bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pecah rahsia

34. Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa fungsi rasmi di bawah Akta ini yang—

(a) sebagai yang memiliki atau mengawal sesuatu maklumat atau sesuatu penyata atau dokumen lain berhubungan dengan keuntungan seseorang iaitu keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau kerugian seseorang iaitu kerugian yang boleh dibenarkan pada bila-bila masa, melainkan bagi maksud Akta ini atau suatu undang-undang cukai yang lain dalam erti seksyen 47 atau melainkan dengan kuasa nyata daripada Menteri—

(i) menyampaikan atau cuba menyampaikan maklumat itu atau apa-apa jua yang terkandung dalam penyata atau dokumen lain itu kepada mana-mana orang lain;

(ii) membiar atau membenarkan mana-mana orang lain melihat maklumat atau apa-apa jua yang terkandung dalam penyata atau dokumen lain itu; atau

(b) membantu, bersubahat atau mengapikan mana-mana orang lain melanggar perenggan *(a)*,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pegawai dan pungutan yang tidak mendapat kebenaran

35. Seseorang yang—

(a) sebagai seorang yang mempunyai sesuatu fungsi rasmi di bawah Akta ini—

(i) kecuali dengan suci hati meminta daripada seseorang sesuatu amaun yang lebih daripada cukai atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini; atau

(ii) enggan memberi apa-apa bahagian daripada amaun cukai yang dipungut kerana hendak menggunakannya sendiri atau kerana apa-apa maksud lain;

(iii) memfraud seseorang, menggelapkan apa-apa wang ataupun menggunakan kedudukannya untuk melakukan secara salah apa-apa urusan dengan Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain; atau

(b) sebagai tidak mendapatkan kebenaran di bawah Akta ini untuk memungut cukai, memungut atau cuba memungutnya,

bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjara bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan lain

36. (1) Seseorang yang, tanpa sebab yang munasabah, tidak mematuhi—

(a) kehendak subseksyen 13(2) atau (3); atau

(b) kehendak suatu notis yang diberi di bawah seksyen 27, subseksyen 28(3), seksyen 28A atau 28B,

bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Jika seseorang telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh membuat suatu perintah lanjutan menghendaki orang itu untuk mematuhi peruntukan Akta ini yang berkaitan yang di bawahnya kesalahan itu telah dilakukan dalam tempoh tiga puluh hari, atau suatu tempoh lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh mahkamah, dari tarikh perintah itu dibuat.

Peruntukan tambahan mengenai kesalahan di bawah seksyen 30, 32, 33 atau 36

37. (1) Tiada apa-apa langkah prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen 30, 32, 33 atau 36 boleh diambil lebih daripada dua belas tahun selepas kesalahan itu dilakukan.

(2) Seseorang yang membantu, bersubahat atau mengapikan seorang lain melakukan kesalahan di bawah seksyen 30, 32, 33 atau 36 hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan itu juga dan boleh dikenakan penalti yang sama.

Cukai kena dibayar walau apa pun prosiding

38. Pemulaan prosiding atau pengenaan sesuatu penalti, denda atau tempoh penjara di bawah Bahagian ini tidaklah melepaskan seseorang daripada tanggungannya membayar apa-apa amaun cukai yang baginya dia bertanggungan atau mungkin bertanggungan atau daripada tanggungan membuat sesuatu penyata yang dia dikehendaki oleh Akta ini untuk membuatnya.

39. (*Dipotong oleh Akta A1028*).

Mengkompaun kesalahan dan mengurangkan penalti

40. (1) Jika seseorang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa sebelum sabitan mengkompaun kesalahan itu dan memerintahkan orang itu membayar sesejumlah wang yang difikirkannya patut sebanyak tidak melebihi amaun denda maksimum dan apa-apa penalti khas yang boleh dikenakan ke atas orang itu jika dia disabitkan kesalahan itu:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah tidak boleh menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini melainkan jika orang itu mengaku secara bertulis bahawa dia telah melakukan kesalahan itu dan meminta Ketua Pengarah mengambil tindakan atas kesalahan itu di bawah seksyen ini.

(2) Jika di bawah seksyen ini Ketua Pengarah mengkompaun sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dan membuat suatu perintah dengan sewajarnya—

(a) perintah itu hendaklah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan Ketua Pengarah dan hendaklah dilampirkan padanya pengakuan dan permintaan bertulis yang disebutkan dalam subseksyen (1);

(b) perintah itu hendaklah menyatakan—

(i) kesalahan yang dilakukan itu;

(ii) jumlah wang yang diperintah supaya dibayar; dan

(iii) tarikh bila pembayaran itu hendak dibuat atau tarikh bila ansuran bagi jumlah wang itu hendak dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, jika perintah itu memperuntukkan pembayaran dengan cara ansuran dan kemungkiran terdapat dalam membayar sesuatu ansuran, kesemua baki yang masih belum selesai pada masa itu hendaklah genap masanya dan kena dibayar dengan serta-merta;

(c) satu salinan perintah itu hendaklah, jika dikehendaki, diberi kepada orang yang telah melakukan kesalahan itu;

(d) orang itu tidak boleh dikenakan apa-apa pendakwaan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa pendakwaan selanjutnya mengenai kesalahan itu dan, jika apa-apa pendakwaan itu atau apa-apa pendakwaan selanjutnya dibawa, menjadi suatu pembelaan yang baik bagi orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu telah pun dikompaun di bawah seksyen ini;

(e) perintah itu muktamad dan tidak boleh tertakluk pada apa-apa rayuan;

(f) perintah itu boleh dikuatkuasakan mengikut cara sama seperti hukuman sesuatu mahkamah rendah (sebagaimana ditakrifkan dalam Jadual 5 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967) bagi pembayaran amaun

yang dinyatakan dalam perintah itu atau amaun yang masih belum selesai, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(g) perintah itu hendaklah, apabila dikemukakan kepada sesuatu mahkamah, dikira sebagai bukti yang kesalahan itu telah dilakukan oleh orang itu dan mengenai perkara lain yang dinyatakan di dalamnya itu.

(3) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau meremitkan sesuatu penalti yang dikenakan di bawah Akta ini kecuali penalti yang dikenakan apabila disabitkan.

Mendapatkan pembayaran penalti

41. (1) Penalti khas yang dikenakan oleh subseksyen 30(1) dan 31(1) boleh didapatkan pembayarannya mengikut cara yang sama seperti denda yang dikenakan apabila disabitkan.

(2) Sesuatu penalti yang dikenakan ke atas seseorang oleh subseksyen 29(3), 30(2) atau subperenggan 5(3) Jadual 1 hendaklah dipungut seolah-olah penalti itu sebahagian daripada cukai yang kena dibayar oleh orang itu.

Bidang kuasa mahkamah rendah

42. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, sesuatu mahkamah rendah (sebagaimana ditakrifkan dalam Jadual 5 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967) mempunyai kuasa membicarakan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan, apabila disabitkan, penalti penuh baginya.

BAHAGIAN V

PENTADBIRAN DAN TAMBAHAN

Ketua Pengarah

43. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang dilantik di bawah undang-undang yang berkuat kuasa berhubungan dengan cukai pendapatan berkuasa menjaga dan mengurus cukai.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

43A. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan garis panduan yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Ketua Pengarah untuk menjelaskan peruntukan Akta ini atau untuk memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh membatalkan, mengkaji semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Kuasa Menteri memberi arahan kepada Ketua Pengarah

44. Menteri boleh memberi kepada Ketua Pengarah arahan berjenis am (yang tidak berlawanan dengan Akta ini) tentang penjalanan tugas Ketua Pengarah di bawah Akta ini; dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa arahan yang diberi sedemikian.

Perwakilan fungsi Ketua Pengarah

45. (1) Apa-apa fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini (yang bukan suatu fungsi yang kena dijalankan menurut perintah berkanun atau yang bukan suatu fungsi yang kena dijalankan di bawah seksyen 57) boleh dijalankan oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah

yang dilantik di bawah undang-undang berhubungan dengan cukai pendapatan.

(2) Mana-mana pegawai yang dilantik di bawah undang-undang yang berhubungan dengan cukai pendapatan boleh menjalankan apa-apa fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini (yang bukan suatu fungsi yang kena dijalankan menurut perintah berkanun atau bukan suatu fungsi yang kena dijalankan di bawah seksyen 46 dan 57).

(3) (*Dipotong oleh Akta 644*).

(4) (*Dipotong oleh Akta 644*).

(5) Seseorang pegawai awam atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa di bawah subseksyen 136(5) Akta Cukai Pendapatan 1967, menjalankan atau membantu pada menjalankan apa-apa fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai yang diberi kuasa menjalankan atau membantu menjalankan apa-apa fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini yang boleh dijalankan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2).

(6) Jika seseorang pegawai awam atau pekerja Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia menjalankan di bawah Akta ini mana-mana daripada fungsi Ketua Pengarah menurut peruntukan subseksyen (1) hingga (5) dia hendaklah berbuat demikian tertakluk pada penyeliaan, arahan dan kawalan am Ketua Pengarah.

(7) Perwakilan yang diberi oleh atau di bawah mana-mana peruntukan subseksyen (1) hingga (5) tentang menjalankan apa-apa fungsi Ketua Pengarah tidaklah menghalang fungsi itu daripada dijalankan oleh Ketua Pengarah sendiri.

(8) Sebutan dalam Akta ini mengenai Ketua Pengarah hendaklah ditafsirkan, berhubung dengan sesuatu hal yang mana seorang pegawai awam atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diberi kuasa atau disifatkan sebagai telah diberi kuasa oleh mana-mana peruntukan subseksyen (1) hingga (5) menjalankan fungsi Ketua

Pengarah, sebagai termasuk sebutan mengenai pegawai itu atau pekerja itu.

Pengenalan pegawai

46. (1) Seseorang yang menjalankan hak untuk memasuki semua tanah, bangunan dan tempat lain dan untuk melihat semua buku dan dokumen lain atau hak untuk mengambil milik buku dan dokumen yang diberi oleh seksyen 28 hendaklah membawa suatu waran dalam borang yang ditetapkan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah dan waran itu hendaklah mengenalkan pemegangnya itu dan jawatannya dan hendaklah dikemukakan oleh pemegangnya apabila diminta kepada seseorang yang mempunyai alasan yang munasabah bagi meminta ia dikemukakan.

(2) Jika seseorang yang berupa sebagai seorang pegawai awam atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang menjalankan fungsi di bawah Akta ini mengemukakan suatu waran dalam borang yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) atau apa-apa pengenalan atau kuasa itu sehingga akasnya dibuktikan hendaklah dianggap sebagai tulen dan orang itu hendaklah dianggap sebagai orang yang disebutkan di dalamnya itu.

(3) Sesuatu waran yang dikeluarkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 137 Akta Cukai Pendapatan 1967, hendaklah disifatkan sebagai suatu waran yang dikeluarkan bagi maksud seksyen ini.

Sesetengah bahan hendaklah dikira sebagai sulit

47. (1) Tertakluk pada seksyen ini, tiap-tiap orang yang terkelas hendaklah menyifatkan dan menguruskan bahan yang terkelas sebagai sulit; dan jika orang itu ialah seorang pegawai, dia hendaklah membuat dan menandatangani di hadapan pihak berkuasa yang ditetapkan suatu akuan dalam borang yang ditetapkan bahawa dia akan berbuat demikian:

Dengan syarat bahawa seseorang yang telah membuat dan menandatangani suatu akuan atau sumpah yang bersamaan di bawah undang-undang cukai pendapatan hendaklah disifatkan sebagai telah membuat dan menandatangani akuan yang dikehendaki oleh subseksyen ini.

(2) Tiada sesuatu bahan yang terkelas boleh dikemuka atau digunakan dalam mahkamah atau lain-lain kecuali—

(a) bagi maksud Akta ini atau suatu undang-undang cukai yang lain;

(b) untuk memulakan atau membantu dalam menjalankan pendakwaan atas apa-apa kesalahan yang dilakukan berhubung dengan cukai atau berhubung dengan sesuatu cukai atau duti yang dikenakan oleh suatu undang-undang cukai yang lain; atau

(c) dengan kuasa bertulis daripada Menteri atau orang yang dengan hal ehwalnya bahan itu berkaitan.

(3) Tiada seseorang pegawai boleh dikehendaki oleh sesuatu mahkamah—

(a) mengemukakan atau menzahirkan bahan yang terkelas yang telah diberi kepadanya atau kepada seorang pegawai lain melainkan oleh atau bagi pihak orang yang dengan hal ehwalnya bahan itu berkaitan; atau

(b) mengenalkan orang yang telah memberi bahan itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang—

(a) daripada dikemukakan atau dizahirkan bahan yang terkelas kepada Ketua Audit Negara (atau kepada pegawai awam di bawah arahan dan kawalannya) atau daripada digunakan bahan yang terkelas oleh Ketua Audit Negara, setakat yang

perlu atau mustahak bagi membolehkan dia menjalankan fungsi jawatannya dengan sepatutnya;

(b) Ketua Pengarah daripada mengumumkan, dari semasa ke semasa dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut, butir-butir yang berikut berkenaan dengan seseorang yang telah didapati bersalah atau telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau yang terhadapnya tindakan telah diambil di bawah subseksyen 30(2) atau di bawah seksyen 40—

(i) nama, alamat dan pekerjaan atau perihal lain orang itu;

(ii) apa-apa butir mengenai kesalahan atau pelarian cukai itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah;

(iii) tahun atau tahun-tahun taksiran yang dengannya kesalahan atau pelarian cukai itu adalah berkenaan;

(iv) pelupusan apa-apa aset yang boleh dikenakan cukai atau amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang tidak dizahirkan;

(v) jumlah amaun cukai yang dilarikan dan penalti (jika ada) yang dikena atau ditanggungkan;

(vi) hukuman yang dikenakan atau perintah lain yang dibuat:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh tidak membuat pengumuman tentang apa-apa butir mengenai seseorang yang dimaksudkan oleh perenggan ini jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa, sebelum apa-apa penyiasatan atau penyelidikan dimulakan berkenaan dengan sesuatu kesalahan atau pelarian cukai yang termasuk di bawah seksyen 30 atau 31, orang itu telah menzahirkan secara sukarela kepada Ketua Pengarah atau kepada mana-mana

pegawai yang diberi kuasa maklumat yang lengkap dan butir-butir yang penuh berhubungan dengan kesalahan atau pelarian cukai itu.

(5) Dalam seksyen ini—

"bahan yang terkelas" ertinya sesuatu penyata atau dokumen lain yang dibuat bagi maksud Akta ini berhubungan dengan keuntungan seseorang dan apa-apa maklumat atau perkara lain atau hal yang sampai kepada pengetahuan seseorang yang terkelas atas sifatnya sebagai demikian;

"orang yang terkelas" ertinya—

(a) seorang pegawai;

(b) Ketua Audit Negara dan pegawai awam di bawah arahan atau kawalannya;

(c) seseorang yang menasihatkan atau bertindak bagi seorang yang boleh atau mungkin boleh dikenakan cukai dan seseorang pekerja bagi seseorang yang bertindak atau menasihatkan sedemikian jika dia ialah seorang pekerja yang atas sifatnya sebagai yang demikian berhak melihat bahan yang terkelas;

(d) Ketua Pengarah Penilaian dan pegawai awam di bawah arahan dan kawalannya; atau

(e) mana-mana pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;

"pegawai" ertinya seorang yang ada mempunyai kewajipan rasmi di bawah Akta ini atau yang bekerja untuk menjalankan peruntukan Akta ini;

"pihak berkuasa yang ditetapkan" ertinya orang yang ditentukan dalam Jadual Kedua kepada Kaedah-Kaedah (Akuan Pegawai) Cukai Pendapatan 1970 [*P.U. (A) 38/1970*];

"suatu undang-undang cukai yang lain" ertinya Akta Cukai Pendapatan 1967, dan mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta itu, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, *Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974 [*Akta 126*] dan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan duti setem, duti harta pusaka atau duti sewa filem dan mana-mana undang-undang bertulis yang diisytiharkan oleh Menteri dengan perintah berkanun sebagai suatu undang-undang cukai yang lain bagi maksud seksyen ini.

Peruntukan mengenai keterangan

48. (1) Dalam sesuatu guaman di bawah seksyen 23, suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah memberi nama dan alamat pihak kena tuntut dan amaun cukai yang genap masanya untuk dibayar olehnya menjadi keterangan yang cukup mengenai amaun yang genap masanya untuk dibayar itu dan juga kuasa yang cukup bagi mahkamah membuat hukuman bagi amaun itu.

(2) Suatu transkrip mengenai apa-apa butir yang terkandung dalam sesuatu penyata atau dokumen lain berhubungan dengan cukai boleh diterima dalam keterangan sebagai bukti mengenai butir-butir itu jika transkrip itu diperakui oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa sebagai suatu salinan butir-butir yang benar.

(3) Tiada pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan oleh atau bagi pihak seseorang boleh menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan terhadap orang itu dalam sesuatu prosiding terhadapnya kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen 29, 30 atau 31 atau kerana menuntut apa-apa jumlah wang yang genap masanya untuk dibayar sebagai cukai atau penalti semata-mata oleh sebab orang itu telah atau mungkin telah didorong membuat pernyataan itu atau mengemukakan dokumen dengan apa-apa dorongan atau janji yang sah di sisi undang-undang daripada Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa.

---

*_CATATAN_— Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974 [*Akta 126*] telah dimansuhkan oleh Akta ini berkuat kuasa mulai 7 November 1975—*lihat* seksyen 59 Akta ini.

(4) *(a)* Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan *(b)* tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh—

(i) menyentuh perjalanan kuat kuasa Bab IX dalam Bahagian III dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*]; atau

(ii) ditafsirkan sebagai menghendaki atau membenarkan seseorang mengemukakan atau memberi kepada sesuatu mahkamah, Pesuruhjaya Khas, Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain apa-apa dokumen, benda atau maklumat yang, menurut Bab itu atau menurut peruntukan itu, orang itu tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengemukakan atau memberi kepada sesuatu mahkamah.

(b) Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang lain, jika sesuatu dokumen, benda, perkara, maklumat, perhubungan atau pemberitahuan terdiri sepenuhnya atau sebahagiannya daripada, atau berhubungan sepenuhnya atau sebahagiannya dengan, resit, pembayaran, pendapatan, perbelanjaan, atau transaksi atau urusan kewangan seseorang (sama ada seorang peguam bela dan peguam cara, pelanggannya atau mana-mana orang lain), ia tidaklah teristimewa daripada penzahiran kepada sesuatu mahkamah, Pesuruhjaya Khas, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa jika ia terkandung dalam, atau meliputi kesemua atau sebahagian daripada, apa-apa buku, akaun, pernyataan, atau rekod lain yang disediakan atau disimpan oleh mana-mana pengamal atau firma pengamal berkenaan dengan seseorang pelanggan atau pelanggan pengamal atau pelanggan firma pengamal itu atau mana-mana orang lain.

(c) Perenggan *(b)* hendaklah juga terpakai berkenaan dengan sesuatu dokumen, benda, perkara, maklumat, perhubungan atau pemberitahuan yang telah dibuat atau diwujudkan sebelum permulaan kuat kuasa perenggan itu.

Kebolehterimaan rekod elektronik

48A. (1) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis lain, jika dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini suatu rekod elektronik bagi—

(a) mana-mana borang yang ditetapkan yang dikemukakan melalui penghantaran elektronik di bawah seksyen 57A; atau

(b) mana-mana dokumen lain yang disimpan atau diterima oleh atau disampaikan kepada Ketua Pengarah melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik,

rekod elektronik atau salinan atau cetakan daripada rekod elektronik itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan atau terkandung dalamnya:

Dengan syarat bahawa rekod atau salinan atau cetakan itu—

(i) diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi kesemua atau mana-mana maklumat yang dikemukakan, disimpan, disampaikan atau diterima dengan media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik di bawah seksyen ini; atau

(ii) selainnya disahkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi mengesahkan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer.

(2) Jika rekod elektronik bagi mana-mana borang yang ditetapkan di bawah Akta ini atau mana-mana dokumen lain, atau suatu salinan atau cetakan rekod itu boleh diterima di bawah subseksyen (1), hendaklah dianggap sehingga akasnya dibuktikan, bahawa rekod atau salinan atau cetakan itu mengeluarkan semula dengan tepat kandungan borang atau dokumen itu.

(3) Bagi maksud Akta ini, "media elektronik" termasuklah suatu data, teks, imej atau mana-mana maklumat lain yang disimpan, diterima atau disampaikan dengan cara elektronik, magnet, optik, imejan atau mana-mana peranti pemprosesan data lain.

Penyata, dsb., dianggap sebagai dibuat dengan kuasa yang sepatutnya

49. Sesuatu penyata, pernyataan atau sesuatu dokumen lain yang seumpamanya yang berupa sebagai dibuat bagi maksud Akta ini oleh atau bagi pihak seseorang hendaklah dianggap sebagai telah dibuat oleh orang itu dengan kuasanya, mengikut mana-mana berkenaan, sehingga akasnya dibuktikan; dan seseorang yang menandatangani sesuatu penyata, pernyataan atau dokumen itu hendaklah disifatkan sebagai mengetahui kandungannya.

Oleh siapakah penyata hendak dibuat

50. Melainkan jika selainnya diperuntukkan dalam Jadual 1, penyata di bawah Akta ini bagi pihak seseorang hendaklah dibuat oleh orang yang bertanggungjawab di bawah undang-undang cukai pendapatan membuat suatu penyata mengenai pendapatan orang itu, atau, jika orang itu tidak bermastautin di Malaysia, oleh pemegang amanah, penjaga, jawatankuasa, wakil, faktor, ejen, penerima, cawangan atau pengurus orang itu di Malaysia.

Kuasa untuk melantik ejen

51. (1) Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis, jika difikirkannya perlu, mengisytiharkan seseorang sebagai ejen bagi mana-mana orang lain, dan orang yang diisytiharkan sedemikian sebagai ejen itu adalah menjadi ejen bagi orang lain itu bagi maksud Akta ini dan boleh dikehendaki membayar apa-apa cukai yang genap masanya untuk dibayar daripada apa-apa wang (termasuk pencen, gaji atau apa-apa saraan lain) yang mungkin dipegang olehnya bagi orang

itu atau yang mungkin genap masanya untuk dibayar olehnya kepada orang itu, iaitu orang yang baginya dia telah diisytiharkan sebagai ejen itu; dan jika pembayaran mungkir dibuat maka cukai itu hendaklah dituntut daripadanya mengikut cara diperuntukkan dalam seksyen 23.

(1A) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menarik balik pada bila-bila masa perisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(2) Bagi maksud seksyen ini, Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang supaya memberi kepadanya maklumat tentang apa-apa wang, kumpulan wang atau aset lain yang mungkin dipegang olehnya bagi mana-mana orang lain atau mengenai apa-apa wang yang genap masanya untuk dibayar olehnya kepada mana-mana orang lain itu.

(3) Jika seseorang yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1) sebagai ejen bagi seorang lain terkilan dengan perisytiharan itu, dia boleh merayu di bawah seksyen 18 seolah-olah perisytiharan itu ialah suatu taksiran.

Kesalahan dan kecacatan dalam taksiran, dsb.

52. (1) Tiada apa-apa jua taksiran, notis atau dokumen lain yang berupa sebagai dibuat atau dikeluarkan bagi maksud Akta ini boleh dibatalkan atau disifatkan sebagai tidak sah atau boleh ditidaksahkan oleh sebab ianya tidak mengikut bentuk, atau terjejas oleh apa-apa kesilapan, kecacatan atau ketinggalan di dalamnya jika—

(a) ia pada isi dan natijahnya adalah menepati atau mengikut tujuan dan erti Akta ini; dan

(b) orang yang kepadanya ia dialamatkan itu dan mana-mana orang lain yang disebutkan di dalamnya itu ditetapkan mengikut tujuan dan persefahaman bersama.

(2) Sesuatu notis taksiran tidak boleh dicabar atau terjejas oleh sebab sesuatu kesilapan di dalamnya tentang—

(a) nama orang yang bertanggungan itu; atau

(b) perihal sesuatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau kerugian yang boleh dibenarkan,

asalkan notis taksiran itu disampaikan dengan sempurna kepada orang yang kepadanya ia dicadang hendak disampaikan itu dan ianya mengandungi pada isi dan natijahnya butir-butir yang di atasnya taksiran itu diasaskan.

Penyampaian notis

53. (1) Tertakluk pada apa-apa peruntukan nyata dalam Akta ini, notis boleh disampaikan bagi maksud Akta ini sama ada kepadanya sendiri atau melalui pos biasa atau pos berdaftar.

(2) Sesuatu notis dengan cukai yang dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada orang yang kepadanya ia dialamatkan itu pada hari yang berikutan dengan hari notis itu tetap diterima mengikut perjalanan biasa pos jika ia dialamatkan—

(a) mengenai sesuatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia—

(i) ke pejabat berdaftar itu;

(ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau

(iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses;

(b) mengenai sesuatu syarikat, perkongsian atau kumpulan orang yang tiada mempunyai suatu pejabat berdaftar di Malaysia—

(i) ke mana-mana pejabat berdaftar syarikat, perkongsian atau kumpulan orang itu (di mana-mana jua letaknya pejabat itu);

(ii) ke tempat utama urusan atau aktiviti lain syarikat, perkongsian atau kumpulan itu (di mana-mana jua letaknya tempat itu); atau

(iii) kepada mana-mana orang perseorangan yang diberi kuasa (oleh atau di bawah undang-undang sesuatu tempat di mana syarikat, perkongsian atau kumpulan itu diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan) menerima penyampaian proses itu; dan

(c) mengenai seorang individu, ke alamatnya yang akhir diketahui.

(3) Jika seseorang yang kepadanya telah dialamatkan suatu surat berdaftar mengandungi suatu notis di bawah Akta ini—

(a) diberitahu bahawa suatu surat berdaftar adalah menunggunya di suatu pejabat pos; dan

(b) enggan atau cuai mengambil surat itu,

notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepadanya pada tarikh dia telah diberitahu bahawa surat itu menunggunya.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), sesuatu afidavit oleh pegawai yang menjaga suatu pejabat pos menyatakan bahawa sepanjang yang diketahui dan dipercayai olehnya suatu pemberitahuan pejabat pos telah diserahkan ke alamat yang terdapat pada surat berdaftar itu memberitahu orang yang kepadanya surat berdaftar itu dialamatkan bahawa suatu surat berdaftar adalah menunggunya hendaklah,

sehingga akasnya dibuktikan, menjadi keterangan bahawa orang yang kepadanya surat berdaftar itu dialamatkan telah diberitahu sedemikian.

Kuasa untuk mengarah ke mana penyata, dsb., hendak dihantar

54. Ketua Pengarah boleh dengan perintah berkanun mengarahkan bahawa apa-apa maklumat, penyata pemberitahuan atau dokumen yang dikehendaki diberi, dihantar atau diserahkan kepada Ketua Pengarah bagi maksud Akta ini hendaklah, tertakluk pada syarat yang terkandung dalam perintah itu, diberi, dihantar atau diserahkan kepada pegawai awam atau pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia itu atau ke alamat yang dinyatakan dalam perintah itu.

Pengesahan notis dan dokumen lain

55. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiap-tiap notis atau dokumen lain yang dikeluarkan, disampaikan atau diberi bagi maksud Akta ini oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa disahkan dengan cukupnya jika nama pejabat Ketua Pengarah dicetak, dicap atau secara lain ditulis di atasnya.

(2) Jika Akta ini memperuntukkan supaya sesuatu notis, perakuan atau dokumen lain ditandatangani oleh seseorang pegawai, notis, perakuan atau dokumen itu hendaklah ditandatangani dalam manuskrip oleh pegawai itu.

(3) Sesuatu notis, perakuan atau dokumen lain yang dikeluarkan, dibuat, disampaikan atau diberi bagi maksud Akta ini dan yang berupa sebagai ditandatangani dalam manuskrip oleh Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, sebagai telah ditandatangani sedemikian.

Bayaran pos tidak dikenakan

56. Semua penyata yang dibuat di bawah Akta ini dan semua kiriman cukai (dan apa-apa persuratan berikutan dari atau berhubungan dengan mana-mana penyata atau kiriman itu) boleh, jika diposkan dalam Malaysia dalam sampul yang ditandakan "Cukai Keuntungan Harta Tanah", dihantar dengan tidak dikenakan bayaran pos kepada Ketua Pengarah atau kepada seorang pegawai atau ke alamat yang dinyatakan dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 54:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh dalam hal tertentu dengan notis secara bertulis mengkehendaki mana-mana orang menghantar apa-apa penyata, kiriman atau persuratan dengan pos berdaftar.

Borang

57. (1) Ketua Pengarah boleh menetapkan borang untuk digunakan bagi maksud Akta ini dan boleh membenarkan sesuatu gantian yang sesuai digunakan bagi mana-mana borang yang ditetapkan sedemikian.

(2) Jika untuk mematuhi sesuatu peruntukan Akta ini seseorang dikehendaki menggunakan suatu borang yang ditetapkan, dia tidak boleh dikira sebagai mematuhi peruntukan itu melainkan jika dia menjalankan segala usaha yang munasabah bagi mendapat dan menggunakan—

(a) satu salinan bercetak bagi borang yang ditetapkan sedemikian di bawah subseksyen (1); atau

(b) satu salinan apa-apa gantian bagi borang itu yang dibenarkan di bawah subseksyen (1), iaitu suatu salinan bercetak melainkan kebenaran itu memperuntukkan selainnya.

Media elektronik

57A. (1) Mana-mana orang atau golongan orang—

(a) hendaklah, jika dikehendaki sedemikian di bawah Akta ini; atau

(b) boleh, jika dibenarkan sedemikian oleh Ketua Pengarah,

mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan di bawah Akta ini melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), syarat dan spesifikasi yang mana-mana borang yang ditetapkan kena dikemukakan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang boleh memberikan kebenaran *dalam borang yang ditetapkan kepada nomini, ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak untuk mengemukakan bagi pihak orang itu borang yang ditetapkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam subseksyen (1).

*(3A) Kebenaran yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen ini.

(4) Borang yang ditetapkan itu yang dikemukakan menurut subseksyen (3) bagi pihak mana-mana orang hendaklah dianggap sebagai telah dikemukakan dengan kebenaran orang itu, sehingga dibuktikan sebaliknya, dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai mengetahui kandungannya.

(5) Jika subseksyen (3) terpakai—

**CATATAN*—Pindaan dalam subseksyen 57A(3) dan subseksyen 57A(3A) melalui seksyen 13 Akta Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 [*Akta 875*] akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2027—*lihat* subseksyen 6(2) Akta 875.

(a) orang yang memberikan kebenaran kepada ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak itu hendaklah membuat suatu akuan dalam borang yang ditetapkan yang menyatakan bahawa—

(i) ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak itu diberikan kebenaran untuk mengemukakan borang itu kepada Ketua Pengarah bagi pihak orang itu; dan

(ii) maklumat yang diberikan oleh orang itu kepada ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak itu bagi penyediaan borang itu adalah benar dan betul;

(b) ejen cukai, peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau peguam bela Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak itu hendaklah membuat suatu akuan dalam borang yang dikemukakan mengikut subseksyen (1) yang menyatakan bahawa—

(i) borang itu disediakan menurut maklumat yang diberikan oleh orang yang memberikan kebenaran itu; dan

(ii) dia telah menerima akuan yang dibuat oleh orang yang memberikan kebenaran itu di bawah perenggan *(a)*;

(c) orang yang memberikan kebenaran itu hendaklah menyimpan dan memegang simpan dalam jagaan selamat salinan cetak borang yang telah dikemukakan itu dan suatu salinan hendaklah dibuat mengikut proses dan tatacara yang dibangunkan dengan sebegitu demi memastikan bahawa

maklumat yang terkandung dalam borang itu hanya maklumat yang dikemukakan menurut seksyen ini;

(d) salinan cetak yang disebut dalam perenggan *(c)* hendaklah ditandatangani oleh orang yang memberikan kebenaran itu; dan

(e) salinan cetak yang disebut dalam perenggan *(c)* dan akuan yang dibuat di bawah perenggan *(a)* hendaklah disimpan dan dipegang simpan bagi tempoh selama tujuh tahun dari akhir tahun taksiran yang dalamnya borang itu dikemukakan.

(6) Borang yang disebut dalam subseksyen (1) disifatkan telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah oleh orang yang memberikan kebenaran itu pada tarikh yang suatu perakuan penerimaan borang itu yang dihantar secara elektronik oleh Ketua Pengarah kepadanya.

Nombor pengenalan cukai

57B. Bagi maksud Akta ini, tiap-tiap orang hendaklah menggunakan nombor pengenalan cukai yang diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 66A Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

58. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi memudahkan perjalanan kuat kuasa Akta ini.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat kaedah-kaedah—

(a) memperuntukkan supaya penyata dibuat dalam hal yang lain daripada yang disebutkan dalam seksyen 13 dan menentukan orang yang akan membuat penyata itu dan juga maklumat yang hendak dimasukkan di dalamnya;

(b) menetapkan, kecuali di mana subseksyen 57(1) terpakai, apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan.

(3) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Pemansuhan Akta 126

59. (1) Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974 dengan ini dimansuhkan mulai dari 7 November 1975, tetapi tanpa menyentuh hak Ketua Pengarah untuk mengambil apa-apa tindakan yang dia telah diberi kuasa untuk mentaksir dan menguatkuasakan pembayaran cukai spekulasi tanah bagi tahun taksiran 1974 dan 1975, yang pada tarikh pemansuhan tersebut masih lagi kena ditaksirkan atau dipungut bagi tahun itu.

(2) Bagi maksud Akta yang dimansuhkan sedemikian, tahun taksiran 1975 ialah tempoh yang bermula pada 1 Januari 1975 dan berakhir pada 6 November 1975.

(3) Menteri, pada bila-bila masa, boleh dengan perintah berkanun membuat apa-apa peruntukan peralihan atau kecualian yang difikirkan perlu atau sesuai.

JADUAL 1

[Seksyen 6]

ORANG YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI

Kumpulan orang, perkongsian dan kepunyaan bersama

1. (1) Sesuatu perkongsian atau sesuatu kumpulan orang tetapi bukan orang yang menganggotainya boleh, tertakluk pada perenggan 9, ditaksir dan dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas

pelupusan apa-apa aset yang boleh dikenakan cukai kepunyaan perkongsian atau kumpulan orang itu.

(2) Seseorang yang pada masa dilupuskan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai kepunyaan suatu perkongsian atau suatu kumpulan orang adalah pekongsi yang terdahulu atau pengurus, setiausaha atau bendahari, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh ditaksir dan dikenakan cukai yang kena dibayar oleh perkongsian atau kumpulan orang itu di bawah Akta ini.

(3) Berkenaan dengan kepunyaan bersama pelupusan oleh seorang daripada kepunyaan bersama tentang syernya terhadap aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah disifatkan menjadi pelupusan sebahagian daripada suatu aset olehnya sendiri dan ia boleh ditaksir dan dikenakan cukai atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai akibat dari pelupusan itu.

Orang tidak berdaya

2. Seseorang penerima yang dilantik oleh mahkamah dan seseorang pemegang amanah, penjaga, kurator atau jawatankuasa yang mempunyai kuasa bagi mengarah, mengawal atau mengurus apa-apa harta bagi pihak seseorang tidak berdaya boleh ditaksir dan dikenakan cukai setakat yang sama sepertimana orang tidak berdaya itu tetap boleh ditaksir dan dikenakan cukai jika dia bukan seorang tidak berdaya.

Bukan pemastautin

3. Seseorang yang tidak ada di Malaysia boleh ditaksir dan dikenakan cukai sama ada secara langsung atau atas nama wakil, faktor, ejen, penerima atau pengurusnya di Malaysia.

Raja dan Pembesar Memerintah

4. (1) Tertakluk pada perenggan ini seseorang yang dinamakan oleh seorang Raja atau Pembesar Memerintah bagi maksud Akta ini sebagai orang yang menjalankan fungsi pentadbir harta persendirian Raja atau Pembesar Memerintah itu boleh ditaksir dan dikenakan cukai bagi pihak Raja atau Pembesar Memerintah itu.

(2) Pentadbir itu boleh membayar cukai itu daripada harta persendirian dalam tangannya atau di bawah kawalannya kepunyaan Raja atau Pembesar Memerintah itu dan boleh, setakat mana dia membayar mana-mana cukai tersebut daripada hartanya sendiri, mendapatkannya balik daripada mana-mana harta persendirian itu.

(3) Pentadbir itu tidaklah bertanggungan secara sendirinya terhadap cukai itu kecuali setakat mana dia—

(a) ada dalam milik, jagaan atau kawalannya apa-apa harta persendirian kepunyaan Raja atau Pembesar Memerintah itu; atau

(b) ada mana-mana harta persendirian itu dalam milik, jagaan atau kawalannya pada bila-bila masa selepas menerima notis yang menyatakan bahawa cukai telah genap masanya untuk dibayar.

(4) Melainkan jika keizinan Peguam Negara didapatkan terlebih dahulu, tiada apa-apa pendakwaan, guaman atau langkah prosiding lain di sisi undang-undang boleh dimulakan terhadap pentadbir itu atas alasan sesuatu kesalahan atau kemungkiran olehnya mengenai apa-apa perbuatan, perkara atau hal yang atasnya dia telah bertanggungjawab di bawah perenggan ini.

(5) Dalam perenggan ini "Raja atau Pembesar Memerintah" ertinya—

(a) Yang di-Pertuan Agong;

(b) Raja Permaisuri Agong;

(c) Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau Raja lain yang menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong;

(d) Pihak Berkuasa Negeri atau seseorang yang menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Negeri;

(e) Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol, Undang Rembau atau Tunku Besar Tampin.

Syarikat

5. (1) Pengurus atau pegawai utama lain di Malaysia, pengarah atau setiausaha bagi suatu syarikat boleh bersesama dan masing-masing ditaksir dan dikenakan cukai yang kena dibayar oleh syarikat itu di bawah Akta ini.

(1A) Walau apa pun yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, mana-mana orang yang merupakan seorang pengarah sesuatu syarikat semasa tempoh yang cukai atau hutang adalah bertanggungan untuk dibayar oleh syarikat itu hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi cukai atau hutang yang genap masa dan kena dibayar dan hendaklah didapatkan di bawah seksyen 23 daripada pengarah itu.

(2) Pelikuidasi bagi sesuatu syarikat yang digulung adalah bertanggungjawab membayar apa-apa cukai yang dia ketahui atau mungkin dengan munasabah dijangka kena dibayar oleh syarikat itu di bawah Akta ini; dan dia tidak boleh

membahagi-bahagikan mana-mana daripada aset syarikat itu kepada pemegang syernya melainkan jika dia telah membuat peruntukan bagi membayar cukai itu.

(3) Mana-mana pelikuidasi yang mungkir mematuhi perenggan ini bertanggungan membayar suatu penalti yang sama banyaknya dengan amaun cukai yang dengannya kemungkiran itu berkaitan.

(4) Bagi maksud subperenggan (1A), "pengarah" ertinya mana-mana orang yang—

(a) memegang jawatan pengarah (dengan apa-apa nama tersebut), termasuklah mana-mana orang yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan syarikat itu; dan

(b) merupakan, sama ada dengan sendirinya atau dengan seorang atau lebih sekutu, tuan punya bagi, atau mampu secara langsung atau melalui perantaraan syarikat lain atau dengan cara tidak langsung lain mengawal, tidak kurang daripada dua puluh peratus modal saham biasa bagi syarikat itu.

(5) Bagi maksud subsubperenggan (4)*(b)*, "sekutu" ertinya, berhubung dengan seseorang—

(a) yang dalam mana-mana hubungan yang berikut dengan orang itu, iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau leluhur jauh, anak atau zuriat jauh, adik-beradik lelaki, adik-beradik perempuan dan pasangan;

(b) pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah bagi suatu penyelesaian yang hubungan kepada orang itu adalah, atau mana-mana saudara seumpamanya (hidup atau mati) seperti yang disebut dalam perenggan *(a)* takrif ini telah atau merupakan, seorang penyelesai;

(c) jika orang itu berkepentingan dalam mana-mana syer atau tanggungan bagi sesuatu syarikat yang tertakluk pada mana-mana amanah atau bahagian harta pusaka si mati, mana-mana orang berkepentingan yang lain di dalamnya.

5A. (1) Pegawai pematuhan yang dilantik di kalangan rakan kongsi bagi perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada pegawai pematuhan seperti itu dilantik, oleh mana-mana rakan kongsi, hendaklah secara bersama dan berasingan boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai yang kena dibayar oleh perkongsian liabiliti terhad di bawah Akta ini.

(2) Subperenggan 5(2) dan (3) hendaklah terpakai dengan ubah suaian dan penyesuaian sebagaimana perlu di bawah perenggan ini.

(3) Dalam perenggan ini, "pegawai pematuhan" hendaklah mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya oleh seksyen 27 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Keluarga sekutu Hindu

6. Pengurus atau karta sesuatu keluarga sekutu Hindu boleh ditaksir dan dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada keluarga itu.

Wasi

7. Wasi bagi harta pusaka seseorang yang mati boleh ditaksir dan dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan oleh wasi itu akan apa-apa aset dari harta pusaka itu yang boleh dikenakan cukai.

Pemegang amanah

8. Seseorang pemegang amanah (lain daripada pemegang amanah bagi seorang tidak berdaya) boleh ditaksir dan dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas pelupusan apa-apa aset dari amanah itu yang boleh dikenakan cukai.

Tanggungan bersama dan masing-masing bagi pemegang amanah dan wasi

9. Jika dua orang atau lebih bertindak atas sifat pemegang amanah bagi sesuatu amanah atau atas sifat wasi bagi harta pusaka seseorang yang mati, mereka adalah bersesama dan masing-masing bertanggungan membayar cukai yang kena dibayar atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai terakru kepada amanah atau harta pusaka itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tanggungjawab orang yang ditentukan

10. Di mana Akta ini menentukan seseorang sebagai boleh dikenakan cukai atau boleh ditaksir dan dikenakan cukai di bawah Akta ini, orang yang ditentukan sedemikian adalah, tertakluk pada Akta ini, bertanggungjawab membayar cukai yang kena dibayar oleh orang atau kumpulan orang yang berkenaan yang boleh dikenakan cukai itu dan atas apa-apa perkara yang dikehendaki dilakukan menurut Akta ini bagi atau berkenaan dengan membuat penyata atau mentaksir cukai yang kena dibayar sedemikian.

JADUAL 2

[Seksyen 7]

KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI DAN KERUGIAN YANG BOLEH DIBENARKAN

SUSUNAN PERENGGAN

Perenggan

1. Tafsiran
2. Perolehan dan pelupusan amnya
3. Transaksi dalam mana harga lupusan disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan
4. Harga perolehan
5. Harga lupusan
6. Kos sampingan
7. Perbelanjaan tidak boleh diambil kira
8. Natijah perolehan jumlah wang modal dalam sesetengah hal
9. Sesetengah transaksi disifatkan sebagai mengikut nilai pasaran
10. Pelupusan kemudian akan aset disifatkan sebagai diperoleh mengikut nilai pasaran
11. Takrif bagi nilai pasaran
12. Pemberian
13. Tukar ganti
14. Masa terakrunya keuntungan yang boleh dikenakan cukai
15. Tarikh pelupusan dan perolehan amnya
15A. Tarikh pelupusan dalam hal tertentu
15B. Tarikh pemerolehan dalam hal tertentu
16. Kontrak bersyarat
17. Pemindahmilikan aset antara syarikat dalam kumpulan yang sama
17A. Pemindahmilikan aset kepada stok
18. Kemungkiran pemeroleh dalam pembayaran

Perenggan

19. Harga perolehan dalam hal tertentu
20. Beban
21. Pelupusan sebahagian
22. Pembahagian aset perkongsian, dsb.
23. Orang yang berkaitan
24. Sesetengah perolehan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini
25. Pajakan
26. Tanggungan bergantung
27. Opsyen
28. Urusan oleh nomini dan sesetengah pemegang amanah
29. Urusan untuk menguatkuasakan sekuriti
30. Perbelanjaan yang dibayar balik tidak diambil kira
31. Larangan mengenai potongan bagi kerugian yang boleh dibenarkan daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun-tahun yang dahulu
32. Potongan boleh dibenarkan sekali sahaja
33. Sesetengah kerugian tidak boleh dibenarkan
34. Pemindahmilikan aset kepada syarikat yang dikawal
34A. Perolehan dan pelupusan syer-syer dalam syarikat harta tanah
35. Pemegang amanah dan pekongsi
36. Muktamadnya keputusan mengenai cukai pendapatan

KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI
DAN KERUGIAN YANG BOLEH DIBENARKAN

Tafsiran

1. (1) Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"anak" ertinya anak yang sah taraf, anak tiri atau anak yang diambil menjadi anak angkat oleh seorang individu atau suami atau isteri orang perseorangan itu mengikut mana-mana undang-undang;

"aset" ertinya aset yang boleh dikenakan cukai;

"badan amanah" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;

"bank Islam" ertinya suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] dan termasuklah seseorang yang menjalankan aktiviti bank atau pembiayaan mengikut Syariah;

"belanja yang dibenarkan" ertinya perbelanjaan yang dinyatakan dalam subsubperenggan 5(1)*(a)* dan *(b)*;

"koperasi" ertinya mana-mana koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];

"orang yang berkaitan" mempunyai erti yang diberi oleh perenggan 23;

"pajakan" ertinya pajakan ke atas tanah, dan termasuklah pajakan kecil, sewa atau lesen, perjanjian untuk pajakan, pajakan kecil, sewa atau lesen;

"penerima legasi" termasuklah seseorang yang berhak kepada harta pusaka di bawah disposisi berwasiat atau apabila seseorang mati itu tidak berwasiat atau mati dengan membuat wasiat meliputi hanya sebahagian sahaja daripada hartanya;

"saudara" ertinya anak, adik, abang, kakak, nenek moyang atau cucu cicit.

(2) Bagi maksud Jadual ini, suatu syarikat induk dan semua subsidiarinya adalah menjadi suatu kumpulan dan, jika suatu syarikat induk adalah suatu anggota bagi suatu kumpulan lain sebagai sendirinya suatu subsidiari, maka kedua-dua kumpulan itu hendaklah dikira sebagai satu kumpulan bagi maksud itu.

(3) Sebutan mengenai pelupusan suatu aset termasuklah sebutan mengenai pelupusan sebahagian daripada sesuatu aset, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.

(4) Bagi maksud Jadual ini, "suatu balasan terdiri sebahagian besarnya daripada syer" ertinya suatu balasan terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus syer.

(5) Apa-apa sebutan dalam Jadual ini mengenai bunga hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada belanja yang dilakukan sebagai mengganti bunga, dalam transaksi yang dijalankan mengikut Syariah.

Perolehan dan pelupusan amnya

2. Tertakluk pada Jadual ini, tiap-tiap cara, skim atau perkiraan dengan mana pemunyaan sesuatu aset adalah dipindah milik daripada seorang kepada seorang lain

adalah menjadi suatu perolehan akan aset itu oleh penerima pindah milik itu dan suatu pelupusan akan aset itu oleh pemindah milik itu.

2A. (1) Bagi maksud Jadual ini, jika suatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai tertakluk pada cukai di bawah Bahagian I Jadual 5, sebutan mengenai 1 Januari 1970 hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai 1 Januari 2013.

(2) Subperenggan (1) tidak terpakai bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 dan 34A.

Transaksi dalam mana harga lupusan disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan

3. (1) Dalam hal yang berikut harga lupusan hendaklah disifatkan sebagai sama dengan harga perolehan, iaitu—

(a) penurunan aset seseorang yang mati kepada wasi atau penerima legasinya di bawah suatu wasiat atau apabila si mati itu mati tidak berwasiat atau kepada pemegang amanah bagi sesuatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya;

(b) (i) pemindahmilikan aset antara suami isteri;

(ia) pemindahmilikan aset antara bekas suami isteri menurut suatu perintah oleh mana-mana mahkamah berikutan dengan pembubaran atau pembatalan perkahwinan mereka; atau

(ii) pemindahmilikan aset yang dipunyai oleh seorang individu, oleh isteri individu itu atau oleh seorang individu bersesama dengan isterinya atau dengan seorang yang berkaitan, oleh seorang nomini bagi individu itu, seorang nomini bagi isteri individu itu atau seorang nomini bagi kedua-duanya, atau oleh pemegang amanah bagi individu itu, pemegang amanah bagi isteri individu itu atau pemegang amanah bagi kedua-duanya, kepada suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia, yang dikawal oleh individu itu, oleh isteri individu itu, oleh individu itu bersesama dengan isterinya atau dengan seorang yang berkaitan, oleh nomini bagi individu itu, nomini bagi isteri individu itu atau nomini bagi kedua-duanya, atau oleh pemegang amanah bagi individu itu, pemegang amanah bagi isteri individu itu atau pemegang amanah bagi kedua-duanya, bagi suatu balasan yang terdiri daripada syer dalam syarikat itu atau bagi suatu balasan terdiri sebahagian besarnya daripada syer dalam syarikat itu dan bakinya bayaran wang;

(c) perolehan daripada atau pelupusan kepada seorang nomini atau pemegang amanah yang bermastautin di Malaysia oleh seorang individu atau isterinya atau oleh kedua-duanya sebagai berhak secara mutlak jika dibandingkan dengan nomini atau pemegang amanah itu;

(d) pemindahakan atau pemindahmilikan sesuatu aset dengan cara sekuriti, atau pemindahmilikan sesuatu kepentingan atau hak yang masih ada dengan cara sekuriti mengenai atau ke atas sesuatu aset (termasuk pemindahmilikan semula apabila sekuriti itu ditebus);

(e) pemberian kepada Kerajaan, suatu Kerajaan Negeri, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan khairat yang dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah undang-undang cukai pendapatan;

(f) pelupusan aset akibat daripada pengambilan secara paksa di bawah mana-mana undang-undang; atau

(g) pelupusan mana-mana aset yang boleh dikenakan cukai menurut suatu skim kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti sebagai suatu skim yang mengikut prinsip Syariah, jika pelupusan itu menghendaki secara ketat bagi maksud mematuhi prinsip itu tetapi yang tidak dikehendaki bagi mana-mana skim kewangan yang lain.

(2) Apa-apa pemindahmilikan aset antara suami isteri atau bekas suami isteri atau kepada syarikat yang disebut dalam subsubperenggan (1)*(b)* hendaklah melibatkan aset yang dimiliki oleh seorang warganegara.

Harga perolehan

4. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), (3) dan (4) dan peruntukan lain Jadual ini, harga perolehan bagi sesuatu aset ialah amaun atau nilai balasan dengan wang atau dengan nilai wang yang diberi oleh atau bagi pihak pemunya kesemuanya dan semata-mata bagi memperolehi aset itu (bersama dengan kos sampingan kepadanya mengenai perolehan itu) selepas ditolak—

(a) apa-apa jumlah wang yang diterima olehnya dengan cara pampasan kerana apa-apa jenis kerosakan atau bencana pada aset itu atau kerana terbinasa atau terhapusnya aset itu atau kerana apa-apa susutan risiko susutan aset itu;

(b) apa-apa jumlah wang yang diterima olehnya di bawah sesuatu polisi insuran bagi apa-apa jenis kerosakan atau bencana pada atau kehilangan, kebinasaan atau susutan aset itu; dan

(c) apa-apa jumlah wang yang terlucut hak padanya iaitu suatu deposit yang diberi berhubung dengan pindah milikan yang dicadangkan mengenai aset itu.

(2) Tertakluk pada subperenggan (3), jika apa-apa jumlah wang dari jenis yang disebutkan dalam subsubperenggan (1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh pemunya sesuatu aset adalah lebih daripada balasan dan kos sampingan yang tersebut dalam subperenggan itu, maka amaun lebihan itu adalah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada pemunya pada masa dia menerima jumlah wang itu.

(3) Jika sesuatu aset, yang dilupuskan, telah diperoleh oleh pelupus sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 hendaklah menggantikan—

(a) balasan dan kos sampingan dari jenis yang tersebut dalam subperenggan (1);

(b) nilai pasaran aset seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset yang tersebut dalam subperenggan 19(1) dan (3A);

(c) amaun legasi atau nilai pasaran aset seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset, mengikut mana yang lebih rendah, yang tersebut dalam subperenggan 19(2); atau

(d) nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh kematian orang yang mati itu yang disebut dalam subperenggan 19(3),

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan jumlah wang daripada jenis yang tersebut dalam subsubperenggan (1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang berkaitan dengan tempoh sebelum 1 Januari 1970 itu tidaklah boleh diambil kira.

(4) Jika—

(a) apabila sesuatu aset dipindah milik harga perolehan yang dibayar bagi aset itu oleh pemindah milik dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan olehnya atau, jika aset itu telah diperoleh oleh pemindah milik itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970, adalah kena diambil kira bagi maksud Jadual ini sebagai harga perolehan yang dibayar oleh penerima pindah milik itu; dan

(b) kemudiannya selepas pemindahmilikan itu, penerima pindah milik itu menerima apa-apa jumlah wang dari jenis yang disebutkan dalam subsubperenggan (1)*(a)*, *(b)* atau *(c)*,

maka jumlah wang itu hendaklah dipotong daripada harga perolehan yang dikira sebagai telah dibayar oleh penerima pindah milik hingga takat yang sama sebagaimana jumlah wang itu tetap dipotong daripada harga perolehan yang dibayar oleh pemindah milik itu jika ianya telah diterima oleh pemindah milik sebelum pemindahmilikan itu:

Dengan syarat bahawa jika jumlah wang itu lebih daripada hanya perolehan yang dikira sebagai telah dibayar oleh penerima pindah milik, maka amaun lebihan itu adalah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada penerima pindah milik pada masa dia menerima jumlah wang itu.

(5) Jika menurut subperenggan (2) atau proviso kepada subperenggan (4) apa-apa jumlah wang adalah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada seseorang mengenai sesuatu aset, harga perolehan yang dibayar oleh orang itu bagi aset itu hendaklah, berhubung dengan apa-apa pelupusan aset itu yang dilakukan kemudiannya olehnya, dikira sebagai tiada.

Harga lupusan

5. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), harga lupusan bagi sesuatu aset ialah amaun atau nilai balasan dengan wang atau dengan nilai wang bagi pelupusan aset itu selepas ditolak—

(a) amaun apa-apa perbelanjaan yang kesemuanya atau semata-mata dilakukan ke atas aset itu pada bila-bila masa selepas ia diperoleh oleh atau bagi pihak pelupus bagi maksud menaikkan atau mengekalkan nilai aset itu, iaitu perbelanjaan yang dicerminkan oleh keadaan atau jenis aset itu pada masa ia dilupuskan;

(b) amaun apa-apa perbelanjaan yang kesemuanya atau semata-mata dilakukan pada bila-bila masa selepas pelupus memperolehi aset itu pada mempastikan, mengekalkan atau mempertahankan hakmiliknya terhadap aset itu, atau terhadap suatu hak ke atas aset itu; dan

(c) kos sampingan kepada pelupus bagi melakukan pelupusan itu.

(2) Jika sesuatu aset yang dilupuskan telah diperoleh oleh pelupus sebelum 1 Januari 1970, amaun perbelanjaan dari jenis yang disebutkan dalam subsubperenggan (1)*(a)* dan *(b)* yang berkenaan dengan tempoh sebelum 1 Januari 1970 itu tidak boleh diambil kira.

Kos sampingan

6. (1) Bagi maksud perenggan 4 dan 5 kos sampingan bagi memperolehi atau melupuskan sesuatu aset hendaklah terdiri daripada perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan oleh pelupus bagi maksud memperolehi atau (mengikut mana-mana yang berkenaan) melupuskan aset itu, iaitu—

(a) bayaran, komisen atau saraan yang dibayar bagi perkhidmatan profesional seseorang juruukur, penilai, akauntan, ejen atau penasihat undang-undang;

(b) kos pindah milik (termasuk duti setem);

(c) mengenai perolehan, kos bagi iklan untuk mendapatkan seorang penjual;

(d) mengenai pelupusan, kos bagi iklan untuk mendapatkan seorang pembeli dan kos yang dilakukan secara munasabah bagi maksud Akta ini bagi membuat apa-apa nilaian atau bagi menentukan nilai pasaran; dan

(e) apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh pelupus jika dia tidak bertanggungan untuk berdaftar di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 atau jika dia adalah orang berdaftar dan tidak layak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input.

(1A) Bagi maksud subsubperenggan (1)*(e)*—

(a) jika bagi suatu tahun taksiran seseorang pelupus melakukan perbelanjaan bagi maksud pemerolehan atau pelupusan bagi suatu aset dan cukai input ke atas aset itu adalah tertakluk pada apa-apa pelarasan yang dibuat di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun bagi perbelanjaan itu berhubung dengan aset itu hendaklah termasuk amaun cukai input sebagaimana yang ditentukan daripada pelarasan yang dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat atau tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan

(b) dalam keadaan pelarasan amaun bagi cukai input itu menghasilkan—

(i) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada amaun perbelanjaan yang dilakukan; atau

---

**CATATAN*—Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [*Akta 805*] mula berkuat kuasa pada 1 September 2018—*lihat* P.U. (B) 510/2018.

(ii) suatu amaun terkurang, perbelanjaan yang dilakukan hendaklah ditolak daripadanya amaun itu.

(2) (*Dipotong oleh Akta 702*).

Perbelanjaan tidak boleh diambil kira

7. (1) Pada menghitung harga perolehan atau harga lupusan sesuatu aset, maka hendaklah jangan diambil kira—

(a) apa-apa bayaran dan belanja yang boleh dibenarkan sebagai suatu potongan pada menghitung sesuatu pendapatan yang dilaraskan atau kerugian yang dilaraskan bagi maksud cukai pendapatan;

(b) apa-apa bayaran dan belanja yang mungkin boleh dibenarkan bagi maksud cukai pendapatan, jika tidak kerana sesuatu pengecualian atau tidak cukupnya pendapatan kasar;

(c) tanpa menyentuh peruntukan yang lalu dalam subsubperenggan ini, apa-apa bayaran dan belanja yang boleh dibenarkan sebagai suatu potongan pada menghitung pendapatan yang dilaraskan bagi sesuatu perniagaan bagi maksud cukai pendapatan jika aset yang atasnya atau mengenainya bayaran dan belanja itu dilakukan telah dan sentiasa dipegang atau digunakan sebagai sebahagian daripada modal tetap sesuatu perniagaan itu yang laba atau keuntungannya boleh dikenakan cukai pendapatan;

(d) apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan sebagai cukai input oleh pelupus jika dia bertanggungan untuk berdaftar di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal untuk berbuat sedemikian, atau jika dia layak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input; dan

(e) apa-apa amaun cukai output yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh pelupus jika dia berdaftar atau bertanggungan untuk berdaftar di bawah Akta itu.

(2) Bagi maksud subsubperenggan (1)*(d)*—

**CATATAN*—Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [*Akta 805*] mula berkuat kuasa pada 1 September 2018—*lihat* P.U. (B) 510/2018.

(a) jika bagi suatu tahun taksiran seseorang pelupus melakukan perbelanjaan bagi maksud pemerolehan atau pelupusan bagi suatu aset dan cukai input ke atas aset itu adalah tertakluk pada apa-apa pelarasan yang dibuat di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun bagi perbelanjaan itu berhubung dengan aset itu hendaklah termasuk amaun cukai input sebagaimana yang ditentukan daripada pelarasan yang dibuat dalam tahun taksiran yang pelupusan itu dibuat atau tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan

(b) dalam keadaan pelarasan amaun bagi cukai input itu menghasilkan—

(i) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada amaun perbelanjaan yang dilakukan, atau

(ii) suatu amaun terkurang, perbelanjaan yang dilakukan hendaklah ditolak daripadanya amaun itu.

Natijah perolehan jumlah wang modal dalam sesetengah hal

8. (1) Maka hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan aset oleh pemunyanya jika apa-apa jumlah wang modal yang bukan jumlah wang dari jenis yang disebutkan dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* adalah didapati berkenaan dengan aset walaupun tiada apa-apa aset diperoleh oleh orang yang membayar jumlah wang modal itu, dan perenggan ini dipakai khususnya bagi—

(a) jumlah wang modal yang diterima sebagai balasan bagi hak yang terlucut atau diserahkan balik atau kerana tidak menjalankan hak; dan

(b) jumlah wang modal yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan atau pengeksploitan aset.

(2) Mengenai sesuatu pelupusan dalam erti subperenggan (1) masa pelupusan itu ialah masa jumlah wang modal itu diterima dan jumlah wang yang diterima itu hendaklah menjadi sesuatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru pada masa itu.

**CATATAN*—Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [*Akta 805*] mula berkuat kuasa pada 1 September 2018—*lihat* P.U. (B) 510/2018.

Sesetengah transaksi disifatkan sebagai mengikut nilai pasaran

9. Perolehan atau pelupusan sesuatu aset oleh seseorang hendaklah disifatkan sebagai dibuat kerana suatu balasan yang sama dengan nilai pasaran aset itu—

(a) jika dia memperoleh atau melupuskan aset itu dengan apa-apa cara yang lain daripada cara tawaran yang dibuat bebas dari pengaruh dan, khususnya, jika dia memperoleh atau melupuskannya dengan cara pemberian;

(b) jika dia memperoleh atau melupuskan aset itu kesemuanya atau sebahagiannya—

(i) bagi suatu balasan yang tidak dapat dinilaikan;

(ii) berkaitan dengan kehilangan jawatannya, pekerjaannya atau pengurangan emolumennya sendiri atau kehilangan jawatan, pekerjaan atau pengurangan emolumen seorang lain; atau

(iii) sebagai balasan bagi atau pengiktirafan tentang perkhidmatannya atau perkhidmatannya yang lepas, atau perkhidmatan seorang lain atau perkhidmatan yang lepas seorang lain dalam apa-apa jawatan atau pekerjaan atau tentang apa-apa perkhidmatan lain yang telah diberi atau akan diberi olehnya atau oleh seorang lain;

(c) jika dia memperoleh sesuatu aset sebagai pemegang amanah bagi pemiutang seseorang bagi membayar sepenuh atau sebahagian apa-apa hutang yang genap masanya untuk dibayar oleh orang itu atau jika dia memindah milik sesuatu aset sebagai pemegang amanah bagi pemiutang seseorang kepada pemiutang itu bagi membayar sepenuh atau sebahagian apa-apa hutang yang genap masanya untuk dibayar kepada pemiutang itu;

(d) jika dia memperoleh atau melupuskan sesuatu aset dalam suatu transaksi bagi memindah milik perniagaan bagi suatu balasan wang pukal; atau

(e) jika subseksyen 25(2) terpakai.

Pelupusan kemudian akan aset disifatkan sebagai diperoleh mengikut nilai pasaran

10. Jika seseorang—

(a) disifatkan bagi maksud Akta ini sebagai memperoleh sesuatu aset mengikut nilai pasarannya; dan

(b) kemudiannya melupuskan aset itu, maka nilai pasaran yang mengikutnya dia disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu hendaklah diterima sebagai harga perolehan bagi maksud menghitung apa-apa keuntungan yang terakru kepadanya atau apa-apa kerugian yang ditanggung olehnya atas pelupusan itu.

Takrif bagi nilai pasaran

11. (1) Tertakluk pada perenggan ini, nilai pasaran bagi sesuatu aset yang diperoleh atau dilupuskan ialah harga yang akan diperoleh olehnya jika ia dijual dalam suatu transaksi antara orang yang tidak bersangkut paut yang menjalankan urusan bebas dari pengaruh pada masa perolehan atau pelupusan itu.

(2) Jika—

(a) pihak-pihak kepada pelupusan sesuatu aset tidak dapat bersetuju tentang nilai pasarannya;

(b) hanya seorang sahaja pihak kepada pelupusan sesuatu aset; atau

(c) Ketua Pengarah berpendapat bahawa nilai pasaran sesuatu aset sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak kepada pelupusannya adalah tidak betul,

nilai pasaran yang berkenaan itu hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pemberian

12. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), jika seseorang pemberi melupuskan sesuatu aset dengan cara pemberian kepada seseorang penerima, pelupusan itu hendaklah disifatkan sebagai pelupusan mengikut nilai pasaran aset itu.

(2) Jika pemberi dan penerima yang disebut dalam subperenggan (1) ialah suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak, atau datuk atau nenek dan cucu—

(a) pemberi itu hendaklah disifatkan telah tidak menerima apa-apa keuntungan dan tidak menanggung apa-apa kerugian atas pelupusan itu jika pemberi itu seorang warganegara; dan

(b) (*Dipotong oleh Akta 785*);

(c) penerima hendaklah disifatkan telah memperoleh aset itu pada suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemberi

itu dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang ditanggung oleh pemberi itu.

Tukar ganti

13. Jika sesuatu aset dilupuskan dengan cara ditukar ganti dengan suatu aset lain (sama ada boleh dikenakan cukai atau tidak) nilai pasaran bagi aset yang diterima oleh pelupus itu hendaklah diambil sebagai balasan bagi pelupusan itu:

Dengan syarat bahawa jika aset yang diterima oleh pelupus itu tidak ada nilai pasarannya, Ketua Pengarah boleh mengambil nilai pasaran aset yang dilupuskan itu sebagai balasan bagi pelupusan itu.

Masa terakrunya keuntungan yang boleh dikenakan cukai

14. Tertakluk pada Jadual ini, jika sesuatu aset dilupuskan maka keuntungan yang boleh dikenakan cukai atau kerugian yang boleh dibenarkan adalah disifatkan sebagai terakru kepada atau ditanggung oleh pelupusan itu pada masa pelupusan itu sama ada balasannya kena dibayar dengan ansuran atau tidak.

Tarikh pelupusan dan perolehan amnya

15. (1) Kecuali di mana Jadual ini memperuntukkan selainnya, perlupusan sesuatu aset hendaklah disifatkan sebagai berlaku—

(a) jika ada suatu perjanjian bertulis mengenai pelupusan aset itu, pada tarikh perjanjian itu; atau

(b) jika tiada apa-apa perjanjian bertulis, pada tarikh sempurnanya pelupusan aset itu.

(2) Kecuali di mana Jadual ini memperuntukkan selainnya, jika ada pelupusan sesuatu aset, tarikh perolehan aset itu oleh pemerolehnya hendaklah disifatkan sebagai sama dengan tarikh pelupusan aset itu oleh pelupusnya kepada pemerolehnya itu.

(3) Bagi maksud Jadual ini—

(a) tarikh sempurnanya sesuatu pelupusan ertinya—

(i) tarikh bila kepunyaan aset yang dilupuskan itu dipindah milik oleh pelupusannya; atau

(ii) tarikh bila semua amaun atau nilai balasannya (dengan wang atau dengan nilai wang) bagi pemindahmilikan itu telah diterima oleh pelupusnya,

mengikut mana satu yang lebih awal;

(b) pemindahmilikan pemunyaan sesuatu aset adalah disifatkan sebagai berlaku pada tarikh bila perkara yang terakhir daripada segala perkara yang perlu bagi memindah milik pemunyaan aset itu telah dilakukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Tarikh pelupusan dalam hal tertentu

15A. Pelupusan sesuatu aset hendaklah disifatkan sebagai berlaku—

(a) dalam hal pemberian berupa aset atas kematian, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima;

(b) dalam hal di mana seorang penerima legasi menerima suatu aset sebagai ganti legasi wang, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi;

(c) dalam hal di mana suatu aset kepunyaan seseorang yang mati dipindah milik kepada penerima legasi oleh wasinya (tidak kira sama ada dia sendiri seorang penerima legasi atau tidak) atau oleh pemegang amanah sesuatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi.

Tarikh pemerolehan dalam hal tertentu

15B. (1) Jika sesuatu aset kepunyaan seseorang yang mati dilupuskan (kepada seorang yang lain daripada seorang penerima legasi) oleh wasinya atau oleh pemegang amanah sesuatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, wasi atau pemegang amanah itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehnya pada tarikh kematian orang yang mati itu.

(2) Jika sesuatu aset diperoleh dengan kemudahan kewangan yang diberi oleh suatu bank Islam mengikut Syariah, pemeroleh itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu pada tarikh perjanjian mengenai pemerolehan aset itu dibuat di antara pemeroleh dengan seseorang selain daripada bank Islam itu atau, dalam hal di mana aset itu dimiliki oleh bank tersebut, pada tarikh perjanjian mengenai pelupusan aset itu dibuat dengan bank itu.

(3) Jika tanah yang terletak hak pada seseorang akibat sesuatu pecah milik yang tersebut dalam subseksyen 2(4) dilupuskan, pelupusnya hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehnya pada tarikh perolehan bahagian tidak pecahnya dalam tanah itu sebagai seorang tuan punya bersama.

Kontrak bersyarat

16. Jika sesuatu kontrak bagi melupuskan sesuatu aset adalah bersyarat dan syarat itu dipenuhi (dengan menjalankan hak di bawah suatu opsyen atau selainnya), maka perolehan dan pelupusan aset itu hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa kontrak itu dibuat, melainkan jika—

(a) pemerolehan atau pelupusan itu memerlukan kelulusan Kerajaan atau suatu Kerajaan, tarikh pelupusan itu hendaklah menjadi tarikh kelulusan itu; atau

(b) kelulusan yang disebut dalam subperenggan *(a)* adalah bersyarat, tarikh pelupusan itu hendaklah menjadi tarikh apabila syarat terakhir syarat-syarat itu dipenuhi.

Pemindahmilikan aset antara syarikat dalam kumpulan yang sama

17. (1) Tertakluk pada perenggan ini, jika dengan kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah—

(a) sesuatu aset dipindah milik antara syarikat dalam kumpulan yang sama untuk menambah kecekapan dalam perjalanan bagi suatu balasan terdiri daripada syer dalam syarikat itu atau sebahagian besarnya daripada syer dalam syarikat itu dan bakinya dengan bayaran wang;

(b) sesuatu aset pindah milik bagi apa-apa balasan antara syarikat di dalam apa-apa skim penubuhan semula, penyusunan semula atau pencantuman; atau

(c) sesuatu aset yang dibahagi oleh likuidator syarikat dan likuidasi syarikat itu dibuat di bawah skim penubuhan semula, penyusunan semula atau pencantuman;

dan syarikat penerima pindah milik bermastautin di Malaysia, pindah milikan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan yang syarikat pemindah milik atau likuidator tidak menerima apa-apa keuntungan dan tidak menanggung apa-apa kerugian:

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan boleh diberi bagi apa-apa pindah milik atau pembahagian aset dalam apa-apa skim di bawah subsubperenggan (1)*(b)* atau (1)*(c)* melainkan Ketua Pengarah berpuas hati aset itu dipindah milik kepada sesuatu syarikat yang bermastautin dalam Malaysia yang sedang disusun semula di bawah skim itu untuk melaksanakan apa-apa skim yang berkaitan secara langsung dengan apa-apa pindah milik atau pembahagian kepunyaan aset dalam Malaysia dengan mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.

(2) Jika dalam sesuatu pemindahmilikan dari jenis yang disebutkan dalam subperenggan (1)—

(a) aset itu dimasukkan ke dalam stok perdagangan syarikat penerima pindah milik itu pada atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini; dan

(b) nilai yang mengikutnya aset itu dimasukkan sedemikian adalah lebih daripada harga perolehan yang telah dibayar oleh syarikat pemindah milik itu serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh syarikat pemindah milik itu atau, jika aset itu telah diperoleh oleh syarikat pemindah milik itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh syarikat pemindah milik itu mulai 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau dilucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada syarikat pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970,

pemasukan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan aset itu oleh syarikat penerima pindah milik dan lebihan itu hendaklah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada syarikat penerima pindah milik itu pada tarikh aset itu atau sebahagiannya telah dimasukkan ke dalam stok.

(3) Ketua Pengarah boleh menarik balik sesuatu kelulusan bagi sesuatu pemindahmilikan yang diberi di bawah subperenggan (1) dalam tempoh tiga tahun selepas kelulusan itu diberi jika—

(a) dia berpendapat bahawa pemindahmilikan itu telah dibuat kesemuanya atau sebahagiannya bagi sesuatu maksud yang lain daripada maksud yang disebutkan dalam subperenggan itu;

(b) mengenai kelulusan di bawah subsubperenggan (1)*(a)*, syarikat penerima pindah milik itu tidak lagi berada dalam kumpulan syarikat yang sama dengan syarikat pemindah milik itu; atau

(c) syarikat penerima pindah milik itu tidak lagi bermastautin di Malaysia.

(4) Jika kelulusan sesuatu pemindahmilikan ditarik balik di bawah subperenggan (3)—

(a) peruntukan subperenggan (1) mengenai harga perolehan dan lupusan hendaklah berhenti berkuat kuasa; dan

(b) Ketua Pengarah hendaklah membuat apa-apa taksiran ke atas syarikat pemindah milik atau syarikat penerima pindah milik itu sebagaimana yang difikirkannya patut dalam hal keadaan itu.

(5) Walau apa pun peruntukan perenggan lain dalam Akta ini dan bagi maksud perenggan ini, jika sesuatu aset dipindah milik bagi maksud penyusunan semula bagi mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, tarikh perolehan oleh syarikat penerima pindah milik adalah disifatkan sebagai tarikh bila syarikat pemindah milik mula-mula memperoleh aset itu.

Pemindahmilikan aset kepada stok

17A. Walau apa pun peruntukan lain Akta ini—

(a) jika sesuatu aset diperoleh atau dipegang oleh seseorang diambil kira dalam stok perniagaan orang itu, maka hendaklah disifatkan menjadi suatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai; dan

(b) harga pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah sama dengan nilai pasaran pada tarikh aset itu menjadi stok.

Kemungkiran pemeroleh dalam pembayaran

18. Jika pelupus sesuatu aset memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa oleh sebab kemungkiran pemeroleh itu balasan bagi pelupusan itu (atau sebahagiannya) telah tidak diterima oleh pelupus, maka keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru berkenaan dengan pelupusan itu hendaklah dikurangkan sebanyak suatu amaun yang sama dengan nilai sekian banyak dari balasan yang tidak diterima itu, dengan nilai sekian banyak dari balasan yang tidak diterima itu, dan Ketua Pengarah hendaklah membuat apa-apa pelarasan dengan cara membayar balik cukai atau dengan cara lain mengikut sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa penerimaan yang kemudian dari apa-apa jua jenis yang didapati oleh pelupus itu berhubung dengan pelupusan itu hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan boleh ditaksirkan oleh Ketua Pengarah dengan sewajarnya.

Harga perolehan dalam hal tertentu

19. (1) Tertakluk pada subperenggan 4(3), mengenai sesuatu pemberian aset apabila seseorang mati, maka hendaklah disifatkan sebagai adanya suatu perolehan akan aset itu oleh penerimanya dengan harga perolehan yang sama dengan nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada penerima itu.

(2) Tertakluk pada subperenggan 4(3), jika seseorang penerima legasi menerima suatu aset sebagai ganti wang legasi, maka hendaklah disifatkan sebagai adanya suatu perolehan akan aset itu oleh penerima legasi itu dengan harga perolehan yang sama dengan amaun legasi itu atau dengan nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi, mengikut mana yang lebih rendah ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada penerima legasi itu.

(3) Tertakluk pada subperenggan 4(3), jika sesuatu aset kepunyaan seseorang yang mati dilupuskan (kepada seseorang yang lain daripada seorang penerima legasi) oleh wasinya atau oleh pemegang amanah bagi suatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, maka wasi atau pemegang amanah itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu dengan harga perolehan yang sama dengan nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh kematian orang yang mati itu ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada wasi atau pemegang amanah itu.

(3A) Tertakluk pada subperenggan 4(3), jika sesuatu aset kepunyaan seseorang yang mati dipindah milik kepada seorang penerima legasi oleh wasiatnya (tidak kira sama ada dia sendiri seorang penerima legasi atau tidak) atau oleh pemegang amanah bagi suatu amanah yang diwujudkan di bawah wasiatnya, hendaklah disifatkan sebagai adanya suatu perolehan aset oleh penerima legasi dengan suatu harga perolehan yang sama dengan nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh pemindahan pemilikan aset itu kepada penerima legasi dengan ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh penerima legasi atau terlucut hak kepada penerima legasi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika dengan kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah di bawah perenggan 17 sesuatu aset telah dipindah milik daripada satu syarikat kepada suatu syarikat lain dan aset itu kemudiannya dilupuskan pula, pelupus itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehi aset itu dengan suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang telah dibayar bagi aset itu oleh pemindah milik dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik atau,

jika aset itu telah diperoleh oleh pemindah milik sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik mulai 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemindah milik mulai dari 1 Januari 1970.

(5) Jika sesuatu aset yang telah dipindah milik di bawah subsubperenggan 3(1)*(b)* telah kemudiannya dilupuskan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri atau syarikat itu, pelupus itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehi aset itu dengan harga perolehan bersamaan dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemindah milik termasuk perbelanjaan yang dibenar yang dilakukan oleh pemindah milik atau, jika aset itu diperoleh oleh pemindah milik sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu pada 1 Januari 1970 termasuk perbelanjaan yang dibenar yang dilakukan oleh pemindah milik mulai 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang disebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau dilucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemindah milik mulai dari 1 Januari 1970.

(6) Jika sesuatu aset apabila dipindah milik kepada suatu syarikat dalam hal keadaan yang disebutkan dalam subperenggan (5) dimasukkan dalam stok perdagangan syarikat itu mengikut nilai yang lebih daripada harga perolehan yang telah dibayar oleh pemindah milik itu serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan olehnya atau, jika aset itu telah diperoleh oleh pemindah milik itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik itu mulai 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemindah milik mulai dari 1 Januari 1970, maka pemasukan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan aset itu oleh syarikat itu dan lebihan itu hendaklah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada syarikat itu pada masa aset itu sebahagiannya dimasukkan ke dalam stok.

(7) Jika sesuatu aset diperoleh oleh seseorang (kemudian dari ini disebut "pemeroleh") dengan kemudahan kewangan yang diberi oleh sesuatu bank Islam mengikut Syariah, harga perolehan aset itu hendaklah amaun atau nilai balasan yang diberi oleh atau bagi pihak pemeroleh kepada orang yang melupuskan aset itu selain bank Islam itu atau dalam hal di mana aset itu dimiliki oleh bank tersebut, amaun atau nilai balasan yang diberi kepada bank itu, bagi pemerolehan aset itu (bersama dengan kos sampingan kepadanya mengenai pemerolehan itu) dengan ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh pemerolehan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Jika tanah yang terletak hak pada seseorang akibat sesuatu pecah milik yang tersebut dalam subseksyen 2(4) dilupuskan, pelupusnya hendaklah disifatkan sebagai

telah memperolehinya dengan harga perolehan yang dibayar olehnya bagi pemerolehan bahagian tidak pecahnya dalam tanah itu sebagai seorang tuan punya bersama atau, jika bahagian tidak pecahnya dalam tanah itu telah diperoleh olehnya sebelum 1 Januari 1970, dengan nilai pasarannya pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang ditanggung olehnya mulai dari1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepadanya dari 1 Januari 1970.

Beban

20. (1) Jika sesuatu aset adalah diperoleh dengan tertakluk pada sesuatu gadaian atau beban yang masih wujud, apa-apa pembayaran yang dibuat oleh pemeroleh disebabkan oleh gadaian atau beban itu hendaklah disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada harga perolehan itu.

(2) Jika sesuatu aset dilupuskan dengan tertakluk pada sesuatu gadaian atau beban yang masih wujud, amaun penuh tanggungan yang diambil alih oleh pemeroleh itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada harga lupusan itu.

Pelupusan sebahagian

21. (1) Jika apabila seseorang melakukan suatu pelupusan aset sesuatu jenis harta yang didapati daripada aset itu masih tidak dilupuskan maka itu adalah pelupusan sebahagian daripada aset itu.

(2) Tertakluk pada subperenggan (3) dan peruntukan lain Akta ini, jika pada bila-bila masa pemunya sesuatu aset melupuskan sebahagian daripada aset itu, apabila jua perlu, maka harga perolehan bagi aset itu dan amaun bagi semua tambahan dan potongan yang mungkin kena dibuat di bawah perenggan 4 dan subsubperenggan 5(1)*(a)* dan *(b)* jika aset itu dilupuskan pada masa itu hendaklah masing-masing diumpukkan antara bahagian aset itu dengan bakinya atas apa-apa jua asas yang paling sesuai, dan sekian banyak dari harga perolehan itu dan sekian banyak daripada amaun yang sedemikian diumpukkan pada bahagian aset yang dilupuskan itu hendaklah diambil kira pada mengenakan perenggan 4 dan subsubperenggan 5(1)*(a)* dan *(b)* kepada perolehan dan pelupusan bahagian itu.

(3) Jika suatu aset adalah terdiri daripada pajakan dan sebahagian dari aset itu adalah tertakluk pada suatu pajakan kecil yang premiumnya telah dibayar maka suatu pecahan daripada harga aset itu dikira sebagai harga perolehan yang dibayar oleh pelupus itu bagi bahagian yang dipajakkecilkan jika kadarnya dengan kesemua harga perolehan itu sama seperti kadar hasil darab tempoh pajakan kecil itu dan luasnya yang dipajakkecilkan itu dengan hasil darab tempoh pajakan itu dan luasnya pajakan itu.

Pembahagian aset perkongsian, dsb.

22. Jika sesuatu kelab pelaburan, sesuatu amanah pelaburan, sesuatu amanah unit atau (walau apa pun peruntukan subperenggan 23(1) dan (4)) suatu perkongsian membuat suatu pembahagian akan mana-mana daripada asetnya antara semua anggotanya yang berhak mendapat bahagian dalam keuntungan-keuntungannya, setiap orang anggota hendaklah disifatkan sebagai memperoleh aset yang diterima olehnya dengan suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang telah dibayar bagi aset itu (serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan) oleh kelab pelaburan, amanah pelaburan, amanah unit atau perkongsian itu atau, jika aset itu telah diperoleh oleh kelab pelaburan, amanah pelaburan, amanah unit atau perkongsian itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh kelab pelaburan, amanah pelaburan, amanah unit atau perkongsian itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada kelab pelaburan, amanah pelaburan, amanah unit atau perkongsian itu mulai dari 1 Januari 1970.

Orang yang berkaitan

23. (1) Sesuatu aset yang diperoleh hasil dari suatu transaksi antara orang yang berkaitan diperoleh dengan suatu cara yang lain daripada cara tawaran yang dibuat bebas dari pengaruh.

(2) Seseorang adalah berkaitan dengan seorang individu jika orang itu suami atau isteri orang perseorangan itu atau seorang saudara (atau suami atau isteri seorang saudara) bagi orang perseorangan itu atau bagi suami atau isteri orang perseorangan itu.

(3) Seseorang atas sifatnya sebagai pemegang amanah adalah berkaitan dengan seorang individu yang adalah seorang penyelesai berhubung dengan amanah itu dan adalah berkaitan dengan mana-mana orang yang berkaitan dengan orang perseorangan itu.

(4) Seseorang adalah berkaitan dengan seseorang jika dia adalah dalam perkongsian dengan orang itu, dan adalah berkaitan dengan suami, isteri atau saudara seorang individu jika dia adalah dalam perkongsian dengan orang perseorangan itu.

(5) Sesuatu syarikat adalah berkaitan dengan suatu syarikat lain—

(a) jika kedua-dua syarikat itu dikawal oleh satu orang, atau jika seorang mengawal satu syarikat dan orang yang berkaitan dengannya (ataupun dia dan orang yang berkaitan dengannya itu) mengawal syarikat yang satu lagi itu; atau

(b) jika dua kumpulan orang atau lebih mengawal setiap satu syarikat itu dan kumpulan itu sama ada terdiri daripada orang yang itu juga atau boleh dikira sebagai terdiri daripada orang yang itu juga dengan mensifatkan (dalam satu hal atau lebih) seorang anggota daripada mana-mana satu kumpulan itu sebagai diganti oleh seorang yang dengannya dia berkaitan.

(6) Sesuatu syarikat adalah berkaitan dengan seorang lain jika orang itu mengawal syarikat itu atau jika orang itu dan orang yang berkaitan dengannya bersama-sama mengawal syarikat itu.

(7) Mana-mana dua orang atau lebih yang bertindak bersama untuk mendapat atau menjalankan kawalan suatu syarikat hendaklah disifatkan berhubung dengan syarikat itu sebagai berkaitan antara satu sama lain dan dengan mana-mana orang yang bertindak atas arahan mana-mana daripada mereka itu untuk mendapat atau menjalankan kawalan syarikat itu.

(8) Apa-apa sebutan dalam subperenggan (2) hingga (7) mengenai seseorang yang berkaitan dengan seorang lain hendaklah difahamkan sebagai bererti bahawa mereka orang yang berkaitan.

Sesetengah perolehan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini

24. (1) Jika mengenai sesuatu aset yang terdiri daripada tanah—

(a) tanah itu telah diperoleh sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini; dan

(b) pembinaan sesuatu bangunan di atas tanah itu telah sama ada—

(i) dimulakan pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;

(ii) dimulakan sebelum tarikh itu tetapi tidak siap; atau

(iii) dimulakan sebelum tarikh itu tetapi disiapkan pada atau selepas tarikh itu,

maka, tanpa menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada pemunyanya di bawah subsubperenggan 5(1)*(a)* atau *(b)* untuk memotong kos pembinaan atau apa-apa belanja lain yang dibenarkan daripada harga lupusan itu atas sesuatu pelupusan yang kemudian, aset itu hendaklah disifatkan sebagai telah diperoleh pada tarikh pembinaan itu telah dimulakan, jika butiran (1)*(b)*(i) atau (ii) adalah berkenaan, atau pada tarikh pembinaan itu telah disiapkan, jika butiran (1)*(b)*(iii) adalah berkenaan, dengan suatu harga yang sama dengan harga perolehan tanah itu:

Dengan syarat bahawa subperenggan ini tidaklah terpakai jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bangunan yang berkenaan itu telah dibina bagi maksud mengusahakan sesuatu estet, kebun, ladang, lombong atau hutan atau bagi mengadakan tempat kediaman untuk pekerja dalam sesuatu estet, kebun, ladang, lombong atau hutan dan dalam semua hal yang demikian kos pembinaan bangunan itu tidak dicerminkan pada sebahagian besarnya dalam keadaan atau jenis aset itu pada masa pelupusan oleh pemunyanya.

(2) Jika, di bawah suatu perjanjian yang dibuat sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini mengenai pelupusan sesuatu aset, pembayaran bagi aset itu adalah dengan ansuran, maka tarikh pelupusan dan perolehan ialah tarikh bila pemunyaan aset itu dipindah milik kepada pembelinya, melainkan jika—

(a) semua ansuran telah dibayar sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, dan dalam hal yang demikian pelupusan dan perolehan itu hendaklah disifatkan sebagai telah berlaku sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;

(b) semua ansuran telah dibayar selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini dan dalam hal yang demikian pelupusan dan perolehan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan selepas tarikh itu.

(3) Bagi maksud perenggan ini istilah "ansuran" merujuk kepada dua bayaran atau lebih daripada harga pemerolehan (lain daripada apa-apa deposit atau bayaran pendahuluan) sebagaimana ditetapkan dalam perjanjian sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak itu.

Pajakan

25. (1) Pemberian sesuatu pajakan ialah pelupusan sesuatu aset, iaitu pajakan itu.

(2) Jika seorang pemegang pajak memindah milik suatu pajakan yang premiumnya telah dibayar olehnya suatu pecahan dari premium yang telah dibayar olehnya itu, didapati dengan membahagi bilangan tahun tempoh yang belum tamat itu dengan bilangan tahun tempoh penuhnya, hendaklah menggantikan premium penuhnya pada menghitung harga perolehan pajakan itu.

(3) Jika suatu pajakan yang premiumnya telah dibayar dipindah milik tanpa balasan atau bagi suatu balasan yang hanya bernilai nominal sahaja, premium itu (atau, mengenai suatu hal yang baginya subperenggan (2) terpakai, pecahan yang disebutkan dalam subperenggan itu) hendaklah jangan diambil kira pada menghitung harga perolehan pajakan itu apabila pajakan itu dilupuskan kemudiannya oleh penerima pindah milik itu.

(4) Soal sama ada sesuatu balasan hanya bernilai norminal sahaja bagi maksud subperenggan (3) hendaklah diputuskan oleh Ketua Pengarah dan keputusannya itu muktamad dan tidak tertakluk pada rayuan.

(5) Seseorang yang melupuskan tanah yang atau telah dipajakkan kepada seorang pemegang pajak tidak berhak memotong dari harga lupusan di bawah perenggan 5 apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang pajak itu pada mendirikan bangunan di atas tanah itu ataupun pada memajukan tanah itu.

Tanggungan bergantung

26. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), tiada apa-apa perkiraan boleh diambil pada menghitung harga lupusan—

(a) mengenai suatu pelupusan dengan cara memindah milik suatu pajakan, mengenai apa-apa tanggungan yang masih ada pada atau dipikul oleh pelupus jika tanggungan itu bergantung kepada sesuatu kemungkiran berkenaan dengan tanggungan yang dipikul oleh pemeroleh di bawah had dan syarat pajakan itu;

(b) mengenai apa-apa tanggungan bergantung di pihak pelupus berkenaan dengan apa-apa waad bagi perkhidmatan aman sentosa atau kewajipan lain yang dipikul oleh pemindah milik aset itu; atau

(c) bagi apa-apa tanggungan bergantung berkenaan dengan sesuatu waranti atau apa-apa yang dikemukakan pada masa sesuatu aset dilupuskan.

(2) Jika selepas sesuatu pelupusan dari jenis yang disebutkan dalam subperenggan (1) ditunjukkan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa sesuatu tanggungan dari jenis yang disebutkan dalam subperenggan itu telah genap masanya untuk dikuatkuasakan dan sedang atau telah pun dikuatkuasakan, dia hendaklah membuat apa-apa pelarasan dengan cara membayar balik cukai atau dengan cara lain sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan itu.

Opsyen

27. (1) Pemberian suatu opsyen ke atas suatu aset yang boleh dikenakan cukai ialah pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai, iaitu opsyen itu.

(2) Jika suatu hak di bawah suatu opsyen dijalankan supaya aset yang dengannya opsyen itu berkaitan dilupuskan kepada orang yang menjalankan hak itu, pemberian opsyen dan pelupusan itu hendaklah dikira sebagai satu transaksi dan amaun yang dibayar bagi opsyen itu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada balasan bagi pelupusan aset itu.

(3) Jika suatu hak di bawah suatu opsyen dilupuskan dengan suatu kerugian oleh orang yang berhak menjalankan hak itu, kerugian itu tidak boleh dikira sebagai suatu kerugian yang boleh dibenarkan yang ditanggung oleh orang itu melainkan jika hak itu dijalankan kemudiannya oleh orang yang memperolehi hak itu atau penggantinya.

Urusan oleh nomini dan sesetengah pemegang amanah

28. Berhubung dengan aset yang dipegang oleh seseorang sebagai nomini bagi seorang lain, atau sebagai pemegang amanah bagi seorang lain yang berhak secara mutlak jika dibandingkan dengan pemegang amanah itu (atau bagi dua orang atau lebih yang bersesama berhak sedemikian), Akta ini hendaklah terpakai seolah-olah aset itu telah diletakhakkan pada orang atau orang yang baginya dia nomini atau pemegang amanah itu dan perbuatan nomini atau pemegang amanah itu berhubung dengan aset itu adalah perbuatan orang atau orang yang baginya dia nomini atau pemegang amanah itu (perolehan daripada atau pelupusan kepada nomini atau pemegang amanah itu oleh orang atau orang itu adalah diketepikan dengan sewajarnya).

Urusan untuk menguatkuasakan sekuriti

29. Jika seorang yang berhak kepada sesuatu aset dengan jalan sekuriti atau kepada faedah sesuatu gadaian atau beban sesuatu aset menguruskan aset itu bagi maksud menguat kuasa atau melaksanakan sekuriti, gadaian atau beban itu, urusannya mengenainya itu hendaklah disifatkan seolah-olah urusan itu dibuat melaluinya sebagai nomini oleh orang yang berhak kepada aset itu tertakluk pada sekuriti, gadaian atau beban itu; dan perenggan ini hendaklah dipakai bagi urusan seseorang yang dilantik untuk menguat kuasa atau melaksanakan sekuriti, gadaian atau beban itu sebagai penerima dan pengurus sebagaimana perenggan ini dipakai bagi urusan orang yang berhak sedemikian.

Perbelanjaan yang dibayar balik tidak diambil kira

30. Perbelanjaan yang mengenainya seorang pelupus telah atau dibayar balik secara langsung atau secara tidak langsung oleh seseorang lain atau oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa lain tidak boleh diambil kira sebagai perbelanjaan bagi maksud subsubperenggan 5(1)*(a)* atau *(b)* dan jika perbelanjaan itu dibayar ganti selepas pelupus itu ditaksirkan Ketua Pengarah boleh mengubah taksiran itu supaya bayaran gantian itu diambil kira:

Dengan syarat bahawa penerimaan sesejumlah wang daripada jenis yang diperihalkan dalam subsubperenggan 4(1)*(a)* atau *(b)* tidak boleh dikira sebagai bayar gantian bagi maksud perenggan ini.

Larangan mengenai potongan bagi kerugian yang boleh dibenarkan daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun-tahun yang dahulu

31. Mana-mana kerugian yang boleh dibenarkan yang ditanggung dalam suatu tahun taksiran tidak boleh dibenarkan sebagai suatu potongan daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru dalam mana-mana tahun taksiran yang terdahulu.

Potongan boleh dibenarkan sekali sahaja

32. Tiada apa-apa amaun yang diberi secara potongan boleh dibenarkan lebih daripada sekali dalam sesuatu penghitungan di bawah Jadual ini apabila sesuatu aset dilupuskan oleh seseorang.

Sesetengah kerugian tidak boleh dibenarkan

33. Sesuatu kerugian yang ditanggung mengenai sesuatu pelupusan tidak boleh dibenarkan jika—

(a) tarikh pelupusan itu ialah sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini;

(b) apa-apa keuntungan yang terakru mengenai pelupusan itu tetap dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ini;

(c) pelupusan itu tidak termasuk dalam suatu penyata yang dibuat di bawah subseksyen 13(1) atau (2); atau

(d) pelupusan itu adalah pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 atau 34A.

Pemindahmilikan aset kepada syarikat yang dikawal

34. (1) Jika sesuatu aset dipindah milik kepada suatu syarikat di bawah bawah subsubperenggan 3(1)*(b)* bagi suatu balasan yang terdiri daripada syer dalam syarikat itu, atau bagi suatu balasan yang terdiri, sebahagian besarnya, daripada syer dalam syarikat itu dan bakinya, terdiri daripada bayaran wang, harga perolehan yang dibayar bagi aset itu oleh pemindah milik itu serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan olehnya dan ditolak amaun apa-apa bayaran wang itu atau, jika aset itu telah diperoleh oleh pemindah milik itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a), (b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada

pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970 dan ditolak amaun apa-apa bayaran wang, hendaklah dikira sebagai harga perolehan syer itu:

Dengan syarat bahawa jika bayaran wang itu lebih daripada harga perolehan yang dibayar bagi aset itu oleh pemindah milik serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan olehnya atau, jika aset itu telah diperoleh oleh pemindah milik itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemindah milik itu mulai dari 1 Januari 1970, harga perolehan syer itu hendaklah disifatkan sebagai tiada, dan, jika pembayaran itu telah dibuat pada atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, lebihan itu hendaklah menjadi suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada pemindah milik itu.

(2) Sesuatu pelupusan mana-mana daripada syer yang diperoleh oleh pemindah milik di bawah subperenggan (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan oleh pemindah milik itu akan suatu aset yang boleh dikenakan cukai.

Perolehan dan pelupusan syer dalam syarikat harta tanah

34A. (1) Perolehan syer dalam suatu syarikat harta tanah (kemudian daripada ini disebut "syarikat yang relevan" dalam perenggan ini) hendaklah disifatkan sebagai perolehan suatu aset yang boleh dikenakan cukai, dan jika syer itu dilupuskan, pelupusan yang demikian hendaklah disifatkan sebagai pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai walaupun pada masa pelupusan syer tersebut syarikat yang relevan itu tidaklah boleh dianggapkan sebagai suatu syarikat harta tanah.

(2) Aset yang boleh dikenakan cukai dalam perenggan ini hendaklah disifatkan diperoleh—

(a) pada tarikh syarikat yang relevan itu menjadi suatu syarikat harta tanah; atau

(b) pada tarikh perolehan aset yang boleh dikenakan cukai itu.

(3) Bagi maksud perenggan ini, harga perolehan aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah—

(a) jika subperenggan (2)*(a)* terpakai, disifatkan sama dengan jumlah wang yang ditentukan mengikut formula—

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah bilangan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai;

B ialah jumlah bilangan syer terbitan dalam syarikat yang relevan pada tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai; dan

C ialah nilai tertentu bagi harta tanah atau syer kedua-duanya yang dipunyai oleh syarikat yang relevan pada tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai;

(b) jika subperenggan (2)*(b)* terpakai, ditentukan mengikut perenggan 4 atau 9.

(4) Walau apa pun perenggan 5, harga pelupusan bagi aset yang boleh dikenakan cukai dalam perenggan ini ialah amaun atau nilai balasan berupa wang atau nilai wang bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai.

(5) Perenggan ini tidaklah terpakai bagi perolehan atau pelupusan apa-apa syer di bawah perenggan 34.

(5A) Perenggan ini tidak terpakai bagi suatu perolehan atau pelupusan apa-apa syer oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi, selain suatu entiti Labuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2B Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, pada atau selepas 1 Januari 2024.

(6) Bagi maksud perenggan ini—

"nilai jumlah aset ketaranya" ertinya agregat nilai tertentu bagi harta tanah atau syer atau kedua-duanya dan nilai bagi aset ketara lain;

"nilai tertentu" ertinya nilai pasaran bagi harta tanah atau harga perolehan bagi syer sebagaimana yang ditentukan di bawah subperenggan (3);

"syarikat harta tanah" ertinya—

(a) syarikat terkawal yang, seperti pada 21 Oktober 1988, memiliki harta tanah atau syer atau kedua-duanya, yang nilai tertentunya ialah tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai jumlah aset ketaranya; atau

(b) syarikat terkawal yang subsubperenggan *(a)* tidak terpakai baginya, tetapi yang, pada mana-mana tarikh selepas 21 Oktober 1988, memperoleh harta tanah atau syer atau kedua-duanya yang menurutnya nilai tertentu bagi harta tanah atau syer atau kedua-duanya yang dimiliki pada tarikh tersebut ialah tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai jumlah aset ketaranya:

Dengan syarat bahawa jika pada mana-mana tarikh syarikat itu melupuskan harta tanah atau syer atau kedua-duanya yang menurutnya nilai tertentu bagi harta tanah atau syer atau kedua-duanya yang dimiliki pada tarikh tersebut dan selepasnya itu ialah kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai aset ketaranya, syarikat itu tidaklah boleh dianggapkan sebagai suatu syarikat harta tanah mulai dari tarikh itu;

"syarikat terkawal" ertinya syarikat terkawal sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;

"syer" merujuk kepada syer yang dimiliki dalam syarikat harta tanah.

Pemegang amanah dan pekongsi

35. (1) Jika suatu aset adalah suatu aset bagi suatu amanah atau perkongsian, maka pada sesiapa jua pemunyaan aset itu diletakhakkan, apa-apa perolehan atau pelupusan aset itu hendaklah dikira sebagai suatu perolehan atau pelupusan oleh pemegang amanah atau perkongsian itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan harga yang dengannya aset itu telah sebenarnya diperoleh atau dilupuskan, dan apa-apa keuntungan atau kerugian mengenai sesuatu pelupusan hendaklah ditaksirkan ke atas atau dikaitkan kepada pemegang amanah atau perkongsian itu.

(2) Jika seseorang ialah pemunya sesuatu aset dan ianya—

(a) seorang anggota suatu perkongsian; atau

(b) menjadi seorang anggota perkongsian pada masa perkongsian itu ditubuhkan atau dengan apa-apa cara lain,

dan orang itu memindah milik aset itu kepada perkongsian itu, perkongsian itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperoleh aset itu dengan suatu harga perolehan yang sama dengan harga perolehan yang telah dibayar oleh orang itu serta dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh orang itu sebelum dia memindahmilikkannya sedemikian atau, jika aset itu telah diperoleh oleh orang itu sebelum 1 Januari 1970, nilai pasaran aset itu seperti pada1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh orang itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam

subsubperenggan 4(1)*(a)*, (*b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada orang itu mulai dari 1 Januari 1970.

(3) Jika satu perkongsian digantikan oleh suatu perkongsian dan sekurang-kurangnya seorang yang telah menjadi anggota perkongsian yang digantikan itu seorang anggota perkongsian yang menggantikannya itu, kedua-dua perkongsian itu hendaklah disifatkan bagi maksud Akta ini sebagai satu perkongsian yang berterusan.

(4) Jika apabila dibubarkan sesuatu perkongsian seseorang yang telah menjadi seorang anggota perkongsian itu sebelum sahaja perkongsian itu dibubarkan adalah menjalankan perniagaan yang dahulunya yang dijalankan oleh perkongsian yang dibubarkan itu dan ianya memperoleh apa-apa aset yang dahulunya aset perkongsian yang dibubarkan itu, maka dia hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehi aset itu dengan harga yang dengannya perkongsian itu telah memperolehnya atau disifatkan sebagai telah memperolehinya atau, jika aset itu telah diperoleh oleh perkongsian itu sebelum 1 Januari 1970, dengan nilai pasaran aset itu seperti pada 1 Januari 1970 dicampur dengan belanja yang dibenarkan yang dilakukan oleh perkongsian itu mulai dari 1 Januari 1970 ditolak jumlah wang dari jenis yang tersebut dalam subsubperenggan 4(1)*(a)*, *(b)* atau *(c)* yang diterima oleh atau terlucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkongsian itu mulai dari 1 Januari 1970.

(5) Jika selepas kematian seseorang anggota sesuatu perkongsian, wasi atau penerima legasinya menarik diri daripada perkongsian itu dan dengan itu menyebabkan mana-mana aset perkongsian itu (atau apa-apa kepentingan dalam aset itu) tidak lagi menjadi suatu aset atau kepentingan perkongsian itu, maka hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan akan aset atau kepentingan itu oleh perkongsian itu dengan suatu harga yang sama dengan harga perolehannya.

Muktamadnya keputusan mengenai cukai pendapatan

36. Apa-apa keputusan Pesuruhjaya Khas atau mahkamah atas apa-apa perkara bagi maksud cukai pendapatan adalah muktamad setakat mana di bawah Akta ini tanggungan terhadap cukai itu atau apa-apa perkara lain berhubungan dengan cukai itu bergantung kepada peruntukan undang-undang cukai pendapatan.

JADUAL 3

[Seksyen 8]

TEMPAT KEDIAMAN PERSENDIRIAN

1. Dalam Jadual ini "pengecualian" ertinya sesuatu pengecualian yang diperuntukkan oleh seksyen 8.

2. Tertakluk pada perenggan 3, sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan tidaklah dipunyai oleh seseorang bagi maksud Jadual ini melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah undang-undang berhubungan dengan pendaftaran hakmilik tanah sebagai tuan punya tanah yang di atasnya bangunan atau sebahagian daripada bangunan itu terdiri atau sebagai pemegang pajakan tanah itu atau orang itu adalah pembeli tanah itu di bawah suatu perjanjian mengenai pembelian dan penjualan tanah itu.

3. (*Dipotong oleh Akta 644*).

4. Tertakluk pada Jadual ini, sesuatu tempat kediaman persendirian adalah suatu bangunan atau sebahagian daripada suatu bangunan dalam Malaysia yang dimiliki oleh orang perseorangan dan diduduki atau yang diperakui layak untuk diduduki sebagai tempat kediaman.

5. (*Dipotong oleh Akta A431*).

6. (*Dipotong oleh Akta A431*).

7. (*Dipotong oleh Akta A431*).

8. (*Dipotong oleh Akta A431*).

9. (1) Tertakluk pada perenggan ini, seorang individu adalah berhak kepada pengecualian di bawah seksyen 8 mengenai pelupusan satu tempat kediaman persendirian sahaja:

Dengan syarat bahawa—

(a) dia memilih bahawa pengecualian itu hendaklah dipakai bagi tempat kediaman persendirian tersebut;

(b) apabila pilihan itu dibuat, pengecualian tidak boleh diberi lagi mengenai pelupusan mana-mana tempat kediaman persendiriannya yang lain; dan

(c) pilihan yang dibuat sedemikian hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan melalui media elektronik atau

dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 57A dan tidak boleh ditarik balik.

(2) Tiada pilihan di bawah subperenggan (1) boleh dibuat di mana pengecualian telah diberi kepada seorang individu di bawah mana-mana peruntukan Akta ini yang telah dimansuhkan atau di bawah Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974 yang telah dimansuhkan mengenai pelupusan tempat kediaman persendiriannya.

10. (*Dipotong oleh Akta A431*).

11. (*Dipotong oleh Akta A431*).

12. Jika suatu keuntungan terakru atau suatu kerugian ditanggung mengenai pelupusan sesuatu bangunan yang diduduki hanya sebahagiannya sahaja sebagai suatu tempat kediaman persendirian bahagian keuntungan yang tidak boleh dikenakan cukai itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahagian kerugian yang tidak boleh dibenarkan itu hendaklah dikira seperti berikut:

(a) jika bangunan itu dibahagi kepada beberapa petak dan setiap satu petak boleh diduduki sebagai suatu tempat tinggal yang lengkap sendiri atau suatu premis perniagaan yang lengkap sendiri, keuntungan atau kerugian itu hendaklah dibahagi dengan jumlah bilangan petak dan jumlah wang yang didapati itu hendaklah disifatkan sebagai keuntungan atau kerugian yang boleh dikaitkan kepada setiap satu petak, termasuk petak yang sedemikian diduduki itu;

(b) jika bangunan itu tidak dibahagi sedemikian, maka, melainkan jika pelupus itu boleh memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa sesuatu cara penghitungan yang lain adalah lebih saksama, bahagian keuntungan atau kerugian yang dikaitkan kepada bahagian yang diduduki sedemikian itu ialah sebahagian yang mempunyai hubungan yang sama dengan kesemua keuntungan atau kerugian sebagaimana luasnya lantai bahagian yang diduduki sedemikian itu mempunyai hubungan dengan jumlah luasnya lantai bangunan itu.

13. (1) Tertakluk pada subperenggan (2), jika sebahagian dari tanah yang bercantum dengan suatu tempat kediaman persendirian sebagai taman atau lamannya adalah dilupuskan tanpa tempat kediaman itu maka—

(a) jika tanah yang di atasnya tempat kediaman itu terdiri telah diperoleh oleh pelupus itu tanpa tempat kediaman itu, harga perolehan bagi bahagian yang dilupuskan itu hendaklah disifatkan sebagai sejumlah wang yang kadarnya dengan harga perolehan bagi jumlah luasnya tanah itu sama seperti kadar luasnya bahagian yang dilupuskan itu dengan jumlah luasnya tanah itu, dan apa-apa keuntungan atau kerugian yang terakru atau

ditanggung mengenai pelupusan itu bolehlah dikenakan cukai atau dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) jika tanah yang di atasnya tempat kediaman itu terdiri telah diperoleh oleh pelupus bersama dengan tempat kediaman dan jumlah luasnya tanah itu lebih daripada satu ekar—

(i) harga perolehan bagi tanah itu tanpa tempat kediaman itu hendaklah disifatkan sebagai satu pertiga dari harga perolehan tanah itu bersama dengan tempat kediaman itu;

(ii) harga perolehan bagi bahagian yang dilupuskan itu hendaklah disifatkan sebagai sejumlah wang yang kadarnya dengan harga perolehan tanah itu tanpa tempat kediaman itu sama seperti kadar luasnya bahagian yang dilupuskan itu dengan jumlah luasnya tanah itu; dan

(iii) apa-apa keuntungan atau kerugian yang terakru atau ditanggung mengenai pelupusan itu bolehlah dikenakan cukai dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(c) jika tanah di atasnya tempat kediaman itu terdiri telah diperoleh oleh pelupus bersama dengan tempat kediaman itu dan jumlah luasnya tanah itu ialah satu ekar atau kurang, maka hendaklah disifatkan sebagai terakru kepada pelupus itu suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai terdiri daripada sejumlah wang yang kadarnya dengan harga lupusan itu sama seperti kadar luasnya bahagian yang dilupus itu dengan jumlah luasnya tanah itu.

(2) Jika pemerolehan oleh pelupus yang tersebut dalam subsubperenggan (1) *(a)* dan *(b)* itu telah dibuat sebelum 1 Januari 2013, pada memakai formula yang dinyatakan dalam subsubperenggan (1)*(a)* dan *(b)*, maka hendaklah digantikan harga perolehan bagi jumlah luas tanah yang tersebut dalam subsubperenggan (1)*(a)* dan harga perolehan tanah itu berserta tempat kediaman yang tersebut dalam subsubperenggan (1)*(b)* dengan nilai pasaran tanah itu seperti pada 1 Januari 2013.

JADUAL 4

[Seksyen 9]

PENGECUALIAN

1. Keuntungan yang terakru mengenai pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

2. Suatu amaun sebanyak sepuluh ribu ringgit atau sepuluh peratus daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana yang lebih besar, mengenai sesuatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada seorang individu atas pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai atau jika aset yang boleh dikenakan cukai itu secara sebahagian dilupuskan, amaun yang akan dibenarkan berkenaan dengan pelupusan itu hendaklah ditentukan menurut formula yang berikut:

(a) yang berhubungan dengan pelupusan harta tanah—

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu

A ialah bahagian keluasan aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan;

B ialah jumlah keluasan aset yang boleh dikenakan cukai;

C ialah sepuluh ribu;

atau sepuluh peratus keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana-mana yang lebih tinggi;

(b) yang berhubungan dengan pelupusan syer—

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu

A ialah bilangan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai di bawah perenggan 34 atau 34A Jadual 2 yang dilupuskan;

B ialah jumlah bilangan syer terbitan yang disifatkan sebagai aset yang boleh dikenakan cukai berhubung dengan syer yang disifatkan sebagai aset yang boleh

dikenakan cukai di bawah perenggan 34 atau 34A Jadual 2;

C ialah sepuluh ribu;

atau sepuluh peratus keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

3. Keuntungan yang terakru kepada Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri atau sesuatu pihak berkuasa tempatan.

4. Suatu keuntungan sama banyak dengan amaun duti pusaka yang kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan duti harta pusaka yang terpakai dalam Malaysia atas harta pusaka orang yang telah mati yang terakru mengenai pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dari harta pusaka itu jika Ketua Pengarah adalah berpuas hati bahawa pelupus terpaksa melupuskan harta itu untuk membayar duti harta pusaka.

JADUAL 5

[Seksyen 4 dan Subseksyen 7(4)]

KADAR CUKAI

BAHAGIAN I

Kecuali jika Bahagian II atau Bahagian III adalah berkenaan, kadar cukai yang berikut hendaklah terpakai:

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	30 peratus
Pelupusan dalam tahun keempat selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	20 peratus
Pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	15 peratus

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau selepas itu	Tiada

BAHAGIAN II

Dalam hal yang pelupus ialah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia atau pemegang amanah bagi suatu amanah, atau kumpulan orang yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia kadar cukai yang berikut hendaklah terpakai:

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tempoh tiga tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	30 peratus
Pelupusan dalam tahun keempat selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	20 peratus
Pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	15 peratus
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau selepas itu	10 peratus

BAHAGIAN III

Dalam hal pelupus yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap, atau wasi bagi harta pusaka si mati yang bukan warganegara dan bukan juga pemastautin tetap, atau syarikat yang tidak diperbadankan di Malaysia:

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	30 peratus

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau selepas itu	10 peratus

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 169

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminds	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A431	Akta Keuntungan Harta Tanah (Pindaan) 1978	seksyen 2, subseksyen 3(2), 3(3), 3(4), perenggan 3(5)*(a)*, subseksyen 3(6), 3(7) dan 4(5): 07-11-1975; subseksyen 3(1), perenggan 3(5)*(b)*, subseksyen 4(1), 4(2), 4(3), 4(4), 4(6), seksyen 5 dan 6: 29-10-1977
Akta 241	Akta Kewangan 1981	18-10-1980 kecuali seksyen 24, 25 dan 26: 07-11-1975
Akta 264	Akta Kewangan 1982	23-10-1981 kecuali perenggan 14(i): 07-11-1975
Akta 293	Akta Kewangan 1983	Tahun taksiran 1984 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta 309	Akta Kewangan 1984	19-10-1984

Undang-undang yang meminds	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 323	Akta Kewangan (No. 2) 1985	01-01-1986 kecuali perenggan 39*(a)*, 39*(c)*, 39*(d)*, 39*(e)*, 39*(g)* dan 39*(l)*: 01-07-1983; perenggan 39*(g)*: 01-01-1986 kecuali subperenggan 15B(2): 01-07-1983
Akta 328	Akta Kewangan 1986	24-10-1986
Akta 337	Akta Kewangan 1987	perenggan 18*(a)*: 24-10-1986; perenggan 18*(b)* dan *(c)* dan seksyen 19: 23-10-1987
Akta 364	Akta Kewangan 1988	21-10-1988
Akta 420	Akta Kewangan 1990	01-01-1989
Akta 476	Akta Kewangan 1992	01-11-1991
Akta 544	Akta Kewangan 1996	27-10-1995
Akta 557	Akta Kewangan 1997	25-10-1996 kecuali seksyen 33, 34, 35, 36 dan 37: 02-08-1996
Akta 578	Akta Kewangan 1998	20-03-1998 kecuali seksyen 30: 01-01-1999; seksyen 31 dan 32: 17-10-1998
Akta A1028	Akta Undang-Undang Cukai (Pindaan) 1998	02-07-1998

Undang-undang yang meminds	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 591	Akta Kewangan (No. 2) 1998	01-01-1999
Akta 608	Akta Kewangan (No. 2) 2000	01-01-2001
Akta 639	Akta Kewangan 2004	11-09-2004
Akta 644	Akta Kewangan 2005	01-01-2006: kecuali seksyen 40, 48 dan 49: 01-10-2005; seksyen 42 dan 43: 01-01-2006; seksyen 47: 11-09-2004
Akta 661	Akta Kewangan 2006	01-01-2007 kecuali seksyen 36: 01-10-2005; seksyen 38: 02-09-2006
Akta 702	Akta Kewangan 2010	01-01-2010: seksyen 39 hingga seksyen 57
Akta 719	Akta Kewangan 2011	seksyen 34 dan 35: 28-01-2011; seksyen 36: Tahun taksiran 2011 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta 742	Akta Kewangan 2012	Tahun taksiran 2012
Akta 755	Akta Kewangan 2013	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
Akta 761	Akta Kewangan 2014	Lihat seksyen 44 Akta Kewangan 2014

Undang-undang yang meminds	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 764	Akta Kewangan (No.2) 2014	01-01-2015
Akta 773	Akta Kewangan 2015	seksyen 40 dan 42: Tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran yang berikutnya; s.41 & s.43: 31-12-2015
Akta 785	Akta Kewangan 2017	Lihat seksyen 34 Akta Kewangan 2017
Akta 801	Akta Kewangan (No. 2) 2017	Lihat seksyen 15 Akta Kewangan (No. 2) 2017
Akta 812	Akta Kewangan 2018	01-01-2019
Akta 823	Akta Kewangan 2019	Lihat seksyen 22 Akta Kewangan 2019
Akta 831	Akta Kewangan 2020	01-01-2021
Akta 833	Akta Kewangan 2021	01-01-2022
Akta 845	Akta Kewangan 2023	01-06-2023
Akta 851	Akta Kewangan (No. 2) 2023	Lihat seksyen 35 Akta Kewangan (No. 2) 2023
Akta 862	Akta Kewangan 2024	01-01-2025
Akta 863	Akta Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024	01-01-2025

Undang-undang yang meminds	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 874	Akta Kewangan 2025	seksyen 20 dan 21: Tahun taksiran 2026 dan tahun taksiran yang berikutnya; s.22, 23 dan 24: 01-01-2026
Akta 875	Akta Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025	Lihat seksyen 6 Akta Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 169

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 241	18-10-1980
	Akta 323	01-01-1986
	Akta 337	01-01-1988
	Akta 420	01-01-1989
	Akta 557	25-10-1996
	Akta 755	26-12-2012
	Akta 773	Tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 851	01-01-2025
3	Akta 862	01-01-2025
7	Akta 702	01-01-2010
	Akta 862	01-01-2025
	Akta 874	Tahun taksiran 2026 dan tahun taksiran yang berikutnya
8	Akta 241	18-10-1980
9	Akta 644	01-10-2005
	Akta 661	01-01-2007
11	Akta 862	01-01-2025
12	Akta A431	07-11-1975
	Akta 323	01-01-1986
13	Akta 323	01-01-1986
	Akta 702	01-01-2010

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 785	Lihat seksyen 34 Akta Kewangan 2017
	Akta 851	01-01-2025
	Akta 863	01-01-2025
	Akta 875	01-01-2026
13A	Akta 851	01-01-2025
	Akta 875	01-01-2026
14	Akta 323	01-01-1986
	Akta 719	28-01-2011
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 761	24-01-2014
	Akta 831	01-01-2021
	Akta 851	01-01-2025
	Akta 863	01-01-2025
15	Akta 578	01-01-1999
	Akta 644	01-01-2006
	Akta 661	01-01-2007
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 761	24-01-2014
	Akta 831	01-01-2021
	Akta 851	01-01-2025
	Akta 863	01-01-2025
15A	Akta 851	01-01-2025
16	Akta 323	01-01-1986
	Akta 476	01-11-1991
	Akta 702	01-01-2010
16A	Akta 851	01-01-2025

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
17	Akta 323	01-01-1986
	Akta 476	01-11-1976
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 851	01-01-2025
18	Akta 608	01-01-2001
19	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 851	01-01-2025
19A	Akta 851	01-01-2025
	Akta 875	01-01-2026
20	Akta 702	01-01-2010
	Akta 851	01-01-2025
21	Akta 851	01-01-2025
	Akta 862	01-01-2025
	Akta 874	01-01-2026
21A	Akta 323	01-01-1986
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 863	01-01-2025
21B	Akta 323	01-01-1986
	Akta 476	01-11-1991
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 764	01-01-2015
	Akta 801	Lihat seksyen 15 Akta Kewangan (No. 2) 2017
	Akta 823	Lihat seksyen 22 Akta Kewangan 2019
	Akta 831	01-01-2021
	Akta 833	01-01-2022
	Akta 863	01-01-2025
	Akta 874	01-01-2026

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
21C	Akta 831	01-01-2021
22	Akta 702	01-01-2010
	Akta 831	01-01-2021
24	Akta 323	01-01-1986
	Akta 644	01-01-2006
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 719	28-01-2011
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 874	01-01-2026
24A	Akta 644	01-01-2006
27	Akta 323	01-01-1986
28A	Akta 851	01-01-2025
28B	Akta 851	01-01-2025
28C	Akta 851	01-01-2025
29	Akta 323	01-01-1986
	Akta 761	24-01-2014
	Akta 773	31-12-2015
	Akta 863	01-01-2025
32	Akta 833	01-01-2022
36	Akta 863	01-01-2025
	Akta 875	01-01-2026
39	Akta A1028	02-07-1998
43A	Akta 875	01-01-2026
45	Akta 328	24-10-1986
	Akta 557	25-10-1996
	Akta 644	01-01-2006
46	Akta 557	25-10-1996

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
47	Akta 241	07-11-1975
	Akta 557	25-10-1996
48A	Akta 702	01-01-2010
51	Akta 875	01-01-2026
52	Akta 702	01-01-2010
53	Akta 591	01-11-1999
	Akta 702	01-01-2010
54	Akta 557	25-10-1996
55	Akta 644	01-01-2006
	Akta 702	01-01-2010
56	Akta 644	01-01-2006
57A	Akta 702	01-01-2010
	Akta 831	01-01-2021
	Akta 851	01-01-2025
	Akta 863	01-01-2025
	Akta 875	01-01-2027
57B	Akta 833	01-01-2022
Jadual 1	Akta 241	07-11-1975
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 761	24-01-2014
Jadual 2	Akta A431	29-10-1977
	Akta 241	07-11-1975
	Akta 264	23-10-1981
	Akta 293	Tahun taksiran 1984 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 323	01-07-1983
	Akta 328	24-10-1986
	Akta 337	01-01-1988

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta 364	21-10-1988
	Akta 476	01-11-1991
	Akta 557	25-10-1996
	Akta 578	17-10-1999
	Akta 639	11-09-2004
	Akta 644	11-09-2004
	Akta 661	02-09-2006
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 785	Lihat seksyen 34 Akta Kewangan 2017
	Akta 719	Tahun taksiran 2011 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 742	Tahun taksiran 2012
	Akta 764	01-01-2015
	Akta 773	Tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 785	Lihat seksyen 34 Akta Kewangan 2017
	Akta 801	Lihat seksyen 15 Akta Kewangan (No. 2) 2017
	Akta 812	01-01-2019
	Akta 823	Lihat seksyen 22 Akta Kewangan 2019
	Akta 833	01-01-2022
	Akta 845	01-06-2023
	Akta 851	01-01-2024
Jadual 3	Akta A431	29-10-1977
	Akta 323	01-01-1986
	Akta 644	01-10-2005
	Akta 812	01-01-2019

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta 823	Lihat seksyen 22 Akta Kewangan 2019
	Akta 863	01-01-2025
Jadual 4	Akta A431	29-10-1977
	Akta 241	18-10-1980
	Akta 293	Tahun taksiran 1984 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 323	01-01-1986
	Akta 328	24-10-1986
	Akta 364	21-10-1988
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 755	Lihat seksyen 55 Akta Kewangan 2013
	Akta 773	31-12-2015
	Akta 833	01-01-2022
Schedule 5	Akta A431	29-10-1977
	Akta 241	18-10-1980
	Akta 264	23-10-1981
	Akta 309	19-10-1984
	Akta 328	24-10-1986
	Akta 544	27-10-1995
	Akta 578	17-10-1999
	Akta 702	01-01-2010
	Akta 761	01-01-2014
	Akta 801	Lihat seksyen 15 Akta Kewangan (No. 2) 2017
	Akta 812	01-01-2019
	Akta 823	Lihat seksyen 22 Akta Kewangan 2019
	Akta 831	01-01-2021
	Akta 833	01-01-2022